


BULETIN FIKRAH
BILANGAN 2/2012



BP
1
.B84
2012b
a
no.2

KARDU AIN FALAK RUNDANGAN ISLAM 'OKOH ULAMA' ANIDAH AL-QURAN HADITH

DAKWAH PEMANGKIN KHAIRA UMMAH

KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI BULETIN FIKRAH BIL. 2/2012 | 2

CARTA ORGANISASI PUSAT ISLAM | 3

AHLI JAWATANKUASA MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR | 4

SEJARAH KEMUNCULAN TAKWIM AL-HIJRI | 5-9

BIOGRAFI TOKOH ULAMA' : IMAM AL-SYAFIE, PENGEMBARA

ILMU TERULUNG | 10-17

MENDIDIK PEMUDA KEBAL GODAAN NAFSU: UNTUK DIKASIHI

ALLAH DAN RASUL | 18-20

DARAH ISITIHADHAH | 21-24

DISEBALIK DAKWAH RASULULLAH : MENDIDIK ATAU

MENGHUKUM | 25-27

STRESS?? ATASINYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM | 28-31

SUARA WANITA, AURATKAH? | 32-34

GALERI FOTO AKTIVITI PUSAT ISLAM | 37-43

SIDANG REDAKSI

Penaung

Y.Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan

Penasihat

Dr. Radzuan Bin Nordin

Ketua Editor

Ustaz Muhammad Asyraf Bin Sulaiman

Editor

Ustaz Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin

Ustaz Muhammad Ridhwan Bin Mohd Danian

Ustaz Muhammad Ali Bin Janas

En Mohd Nawawi Bin Muhammad

Pengarang

Ustaz Muhammad Iskandar Shah Bin Ab Ahmad

Ustaz Muhammad Asyraf Bin Sulaiman

Ustaz Mohd Fauzee Bin Mohamed

Ustaz Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin

Ustaz Muhammad Ridhwan Bin Mohd Danian

Ustaz Muhammad Ali Bin Janas

Ustaz Hafizzuddin Bin Mior Ahmad Zanidi

Ustazah Syamilah Bt Mohd Ali

En. Zuhaimi Bin Alias

Rekabentuk

Bahagian Komunikasi Korporat,
Pejabat Perancangan & Komunikasi
Korporat, Canselor

Jurubaca Prof

Pn Normala Bt Abdul Mutalef

Pn Rina Arianty Bt Hashim

Juru Gambar

Ustaz Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin

Ustaz Muhammad Ali Bin Janas

Pengedaran

En. Abdul Azim Bin Azahari

Diferbitkan dua kali setahun. Memuatkan rencana, berita, gambar aktiviti serta bahan lain yang berkaitan dengan Pusat Islam. Sebarang pertanyaan dan maklumat, sila hubungi:

Pusat Islam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Telefon: 06-5552016/2017

Fax: 06-3316262

e-mel: infopusatislam@utem.edu.my

PERPUSTAKAAN	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Akaun	No. Panggilan
87516483	BP 1 -321 20126 4 no.2
Tarikh	
31 OCT 2023	



Rina Arianty Binti Hashim
Setausaha Pejabat



Dr. Radzuan Bin Nordin
Pengarah

UNIT PENTADBIRAN & PERKHIDMATAN

UNIT MASJID & PENERBITAN

UNIT DAKWAH & SAHSIAH



Mohd Nawawi Bin Muhamad
Penolong Pendaftar



Muhammad Asyraf Bin Sulaiman
Pegawai Hal Ehwal Islam



Muhammad Iskandar Shah
Bin Ab Ahmid
Pegawai Hal Ehwal Islam



Syamilah Binti Mohd Ali
*Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam*



Mohd Fauzee Bin Mohamed
*Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam*



Zuhaimi Bin Alias
*Pembantu Tadbir
(PT/PO)*



Normala Binti
Abdul Mutaief
Pembantu Akauntan



Muhammad Ali
Bin Janas
*Pembantu
Hal Ehwal Islam*



Aswanzie Abbyd
Bin Zainal Abidin
*Pembantu
Hal Ehwal Islam*



Hafizzuddin Bin
Mior Ahmad Zanidi
*Pembantu
Hal Ehwal Islam*



Muhammad Ridhwan
Bin Mohd Danian
*Pembantu
Hal Ehwal Islam*



Abdul Azim Bin Azahari
Pembantu Am Pejabat



**Ahli Jawatankuasa
MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Tarikh Lantikan
1 OGOS 2012 – 31 JULAI 2014
(2 TAHUN)**

Penaung

Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan
Naib Canselor UTeM

Penasihat

Profesor Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pengerusi

Dr. Radzuan Bin Nordin
Pengarah, Pusat Islam

Timbalan Pengerusi

En. Khairul Bin Taib
Bendahari, Pejabat Bendahari

Setiausaha

Ust. Muhammad Asyraf Bin Sulaiman
Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam

Penolong Setiausaha

Pn. Junaidah Binti Badar
Juruaudit, Audit Dalam, Canselori

Bendahari

En. Bakri Bin Abu Bakar
Timbalan Bendahari, Pengurusan Pembayaran
Pejabat Bendahari

Penolong Bendahari

Pn. Rosidah Binti Awang
Penolong Akauntan
Pengurusan Pembayaran, Pejabat Bendahari

AHLI JAWATANKUASA

Ketua Biro Aktiviti

En. Aziz bin Yahya
Ketua Jabatan Pembangunan Insan
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Ketua Biro Keceriaan

Dr. Zulkifli Bin Mohd Rosli
Ketua Jabatan Bahan Kejuruteraan
Fakulti Kejuruteraan Dan Pembuatan

Ketua Biro Ekonomi

Ust. Ab Rahim Bin Ibrahim
Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa
Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan

Ketua Biro Penerbitan

Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Bin Syed Hassan
Pengarah Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran

Ketua Biro Kebajikan

Pn. Sabarina Binti Abdullah
Timbalan Bendahari, Pengurusan Bajet Dan
Perolehan
Pejabat Bendahari

Ketua Biro Penerangan

En. Samsul Bin Samdin
Timbalan Pengarah, Rangkaian dan Sokongan Sistem
Pusat Komputer

Ketua Biro Muslimat

Ustazah Syamilah Bin Mohd Ali
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam

Pemeriksa Kira-kira

En. Mohd Hapiz Bin Mohd Aripin
Penolong Akauntan, Pengurusan Pembayaran,
Pejabat Bendahari

Ahli

En. Zainal Bin Bidin
Pengarah Pejabat Khidmat Pengurusan, Canselori

Ust. Mohd Fauzee Bin Mohamed
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam

SEJARAH KEMUNCULAN TAKWIM AL-HIJRI

Oleh: Dr. Radzuan Bin Nordin

Saban tahun kita akan menerima kedatangan tahun hijri sebagai permulaan pengiraan hari berkaitan dengan amalan ibadah umat Islam. Bila masuknya tahun baru hijri umumnya masyarakat Islam Malaysia akan mengadakan sambutan yang dinamakan sebagai sambutan Maal Hijrah dari individu sehinggalah ke peringkat kebangsaan oleh pemerintah. Takwim hijri merupakan salah satu antara takwim al-Qamari yang digunakan oleh masyarakat Islam menjadikan bulan sebagai asas pengiraan. Semuanya adalah merujuk kepada peredaran bulan mengelilingi bumi. Antara nama lain bagi takwim hijri ialah takwim al-Islami. Sejarah penetapan takwim ini kepada "hijri" perlu diketahui agar kita dapat menghayati dan berurusan menggunakan takwim ini dalam kehidupan kita seharian.

Masyarakat Arab amat mengambil berat berkaitan masa dan waktu dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Secara umumnya, mereka telah menetapkan masa berdasarkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan seharian. Mereka menamakan tahun pembinaan kaabah merujuk kepada pembinaan kaabah oleh Nabi Ibrahim (tahun 1855 sebelum Masihi). Arab Quraisy pula menetapkan waktu berdasarkan tahun gajah merujuk kepada serangan Abrahah untuk memusnahkan kaabah (tahun 571 Masihi).

Terdapat tiga jenis tahun yang masyhur diamalkan oleh masyarakat Arab jahiliyyah iaitu:

- i- Tahun Gajah
- ii- Tahun Kematian Hisham
- iii- Tahun Pembinaan Kaabah

Merujuk kepada takwim al-qamari, masyarakat Arab telah menggunakan takwim al-qamari dalam urusan kehidupan mereka sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Hubungan mereka dengan bulan amat kuat sekali, maka oleh itu ru'yat al-hilal dan perbezaan fasa bulan dijadikan sebagai pedoman penetapan awal bulan. Nama-nama bulan di kalangan masyarakat Arab telah pun wujud sebelum kedatangan Islam berdasarkan kepada perbezaan kawasan dan masa. Dr. Ali Abandah dalam bukunya al-Falak wa al-Anwa' fi al-Turath menyatakan semua nama bulan yang digunakan sekarang dinisbahkan kepada Kilab ibn Marrah (datuk Nabi Muhammad SAW peringkat yang kelima). Ini berlaku sekitar tahun 412 Masihi lebih kurang 216 tahun sebelum hijrah, manakala masyarakat Arab al-Aribah pula mempunyai nama-nama lain.

¹ Hisham Ibn al-Mughirah ialah bapa kepada Abu Jahal (Amru Ibn Hisham Ibn al-Mughirah Ibn Abd Allah Ibn Umar Ibn Makhzum). Penggunaan tahun ini berlaku sekitar 100 tahun sebelum kerasulan Muhammad SAW.

² Disebabkan hubungan yang kuat ini, masyarakat Arab Jahiliyyah telah membahagikan fasa bulan kepada 10 bahagian yang mewakili 3 malam setiap bahagian. Tiga malam pertama dinamakan (هلال), kedua (قمر), ketiga (بُر), keempat (زهر), kelima (بيض), keenam (رُوع), ketujuh (ظلم), kelapan (خنادس), kesembilan (دادى) dan kesepuluh ada dua malam (محاق) dan (سرار). Mereka juga menamakan malam ke 28 (الدعاء), malam ke 29 (الدهماء) dan malam ke 30 (ليلاء).

³ Arab al-Aribah ialah kaum Arab tulen yang tidak bercampur dengan kaum lain. Kaum ini telah pupus akan tetapi sejarah peninggalan mereka tetap dikaji dan diambil pengajaran hingga ke hari ini. Antaranya termasuklah kaum Ad, Thamud, Tasmun dan Jadis.

Nama-nama bulan adalah seperti berikut:

SEKARANG	AL- ^o ARIBAH
Muharram (محرم)	Al-Mu'tamar (المؤتمر)
Safar (صفر)	Najir (ناجر)
Rabi ^o al-Awwal (ربيع الأول)	Khawan (خوان)
Rabi ^o al-Thani (ربيع الثاني)	Sowan (صوان)
Jamad al-Awwal (جمادى الأول)	Khatmun (ختم)
Jamad al-Thani (جمادى الثاني)	Zaba' (زباء)
Rajab (رجب)	Al-Asm (الأصم)
Sya ^o ban (شعبان)	^o Adil (عادل)
Ramadan (رمضان)	Nafiq (نفاق)
Syawwal (شوال)	Waghil (واغل)
Zu al-qa'dah (ذو القعدة)	Hawa ^o (هواع)
Zu al-hijjah (ذو الحجة)	Bark (برك)

Nama-nama bulan dalam masyarakat Arab

Berdasarkan musim, masyarakat Arab telah membahagikan tahun kepada enam musim iaitu:

- i) Al-Rabi^o al-Awwal (الربيع الأول) : Musim selepas hujan yang menjadikan tanam tanaman subur dan hijau khususnya di sebelah selatan semenanjung tanah Arab iaitu Yaman. Ianya berlaku dalam bulan Rabi^o al-Awwal dan Rabi^o al-Thani.
- ii) Al-Shita' (الشتاء) : Merupakan musim hujan dan cuaca yang sejuk sehingga air menjadi beku. Ianya berlaku dalam bulan Jamad al-Awwal dan Jamad al-Thani.
- iii) Al-Rabi^o al-Thani (الربيع الثاني) : Musim hujan dan tanaman menjadi subur. Ianya berlaku selepas musim sejuk iaitu dalam bulan Rajab dan Sya^oban.
- iv) Al-Sayf (الصيف) : Ketika ini cuaca amat panas dan ianya berlaku dalam bulan Ramadan dan Syawwal.
- v) Al-Qayz (القيظ) : Darjah kepanasan makin meningkat dan cuaca amat panas sekali. Ianya berlaku dalam bulan Zu al-ka'dah dan Zu al-hijjah.
- vi) Al-Kharif (الخريف) : Musim dingin dan ianya berlaku dalam bulan Muharram dan Safar.

Takwim *al-qamari* yang digunakan oleh masyarakat Arab jahiliyah telah menjadikan dalam setahun terdapat 354 hari yang terkandung dalam dua belas bulan. Ini menunjukkan terdapat sebanyak $11 \frac{1}{4}$ hari perbezaan dengan takwim *al-syamsi* dalam setahun. Perbezaan ini didapati semakin ketara pada setiap tahun terutamanya ketidakseragaman masa menuai atau memetik buah-buahan dengan masa menunaikan haji. Perbezaan ini telah menjejaskan keuntungan perniagaan mereka dengan sebab kurangnya bahan bekalan ketika musim haji. Oleh kerana itu masyarakat Arab telah melakukan *al-nasi*⁴ agar takwim *al-qamari* seiringan dengan takwim *al-syamsi*. Seperti contoh; dalam memulakan bulan *al-qamari*, mereka telah memulakannya dengan bulan Muharram dengan menamakannya bulan Safar. Muharram

⁴ Al-Nasi' ialah mendahulukan atau mentakhirkan salah satu bulan haram (Zu al-ka'dah, Zu al-hijjah, Muharram dan Rejab) mengikut hawa nafsu masyarakat Arab jahiliyah.

dilewatkan untuk dijadikan bulan halal dan *Safar* diawalkan untuk dijadikan sebagai bulan haram. Pada tahun kedua mereka memulakan dengan bulan *Safar* dan dinamakan sebagai *Safar* juga.

Pada tahun ketiga mereka memulakan tahun *al-qamari* dengan bulan *Rabi' al-Awwal* tetapi menamakannya dengan *Safar* juga. Pertukaran bulan ini berlaku sehinggalah berlalunya dua belas bulan dan datangnya *Muharram* yang baru. Setelah kedatangan Islam perbuatan *al-nasi'* diharamkan oleh Allah S.W.T kerana ianya adalah amalan masyarakat Arab jahiliyah sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya perbuatan mengundurkan (kehormatan itu dari satu bulan ke satu bulan yang lain) adalah menambah kekufuran yang menjadikan orang-orang kafir itu tersesat kerananya. Mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mengharamkannya pada tahun yang lain, supaya mereka dapat menyesuaikan bilangan (bulan-bulan yang empat) yang telah diharamkan Allah (berperang di dalamnya); dengan itu mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah. Perbuatan buruk mereka itu dihias dan dijadikan indah (oleh Syaitan) untuk dipandang baik oleh mereka. Dan (ingatlah) Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang kafir" (al-Tawbah: 37)

Masyarakat Arab terus menggunakan takwim *al-qamari* sejak permulaan dakwah Rasulullah s.a.w hinggalah hijrahnya baginda ke Madinah al-Munawwarah. Dalam tempoh ini masyarakat Islam menjadikan sesuatu peristiwa sebagai asas penggunaan tahun dalam sistem tarikh mereka. Antara peristiwa penting yang menjadi panduan dalam sistem tarikh mereka ialah peristiwa pembinaan kaabah (1855 sebelum masihi) dan peristiwa tentera bergajah (571 Masihi). Tradisi ini berterusan sehinggalah hijrahnya Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Yastab (Madinah Al-Munawwarah) pada hari isnin 8 *Rabi' al-Awwal* bersamaan 20 September 622 Masihi. Peristiwa hijrah ini telah dijadikan sebagai asas dalam menamakan tahun-tahun berikutnya:

- i) Tahun pertama hijrah dinamakan sebagai Tahun "الإذن بالهجرة" (*al-izn bi al-hijrah*)
- ii) Tahun kedua hijrah dinamakan Tahun "الأمر بالقتال" (*al-amr bi al-qital*)
- iii) Tahun ketiga hijrah dinamakan Tahun "التمحيص" (*al-tamhis*)
- iv) Tahun keempat hijrah dinamakan Tahun "الترفئة" (*al-tarfi'ah*)
- v) Tahun kelima hijrah dinamakan Tahun "الزلزال" (*al-zilzal*)
- vi) Tahun keenam hijrah dinamakan Tahun "الإستئذاس" (*al-isti'zan*)
- vii) Tahun ketujuh hijrah dinamakan Tahun "الإستغلاب" (*al-istighlab*)
- viii) Tahun kelapan hijrah dinamakan Tahun "الإستواء" (*al-istiwa'*)
- ix) Tahun kesembilan hijrah dinamakan Tahun "البراءة" (*al-bara'ah*)
- x) Tahun kesepuluh hijrah iaitu tahun kewafatan Rasulullah s.a.w dinamakan sebagai Tahun "الوداع" (*al-wada'*).

Di peringkat permulaan Islam, secara umumnya ilmu falak masih lagi asing di kalangan para sahabat. Ini berdasarkan riwayat Ibn 'Umar dalam sahih Bukhari berkata Rasulullah s.a.w:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ، الشَّهْرُ هَكَذَا وَهَكَذَا. يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ.

Bermaksud: "Sesungguhnya umatku adalah umat yang ummi, tidak pandai menulis dan mengira, bulan itu begini dan begini (bermaksud sekali 29 dan sekali 30 hari)"

Walaupun begitu tidak dinafikan terdapat segelintir para sahabat yang mahir dalam perkiraan. Sebenarnya proses penetapan tarikh pada permulaan Islam sudah pun wujud cuma dari segi keilmuannya ilmu falak tidak begitu masyhur. Semenjak Rasulullah s.a.w sampai ke Madinah, baginda telah memerintahkan para sahabat menggunakan sistem tarikh. Antara hadis yang membuktikan kenyataan ini ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh Bukhari dalam bab *al-ta'rikh* :

عن سهل بن سعد قال: ما عدُّوا من مبعث النبي صلى الله عليه وسلم ولا من وفاته. ما عدوا إلا من مقدمه المدينة

Bermaksud "Dari Sahl Ibn Sa'ad berkata: Mereka para sahabat tidak memulakan tarikh dari perutusan Nabi Muhammad SAW dan tidak juga dari kewafatan baginda. Mereka tidak memulakan tarikh kecuali sejak kedatangan baginda ke Madinah."

Kehadiran baginda ke Madinah telah dijadikan sebagai peristiwa penting yang mesti diabadikan. Oleh itu didapati para sahabat melakukan penetapan tarikh dari bulan ke bulan sampai tamat setahun sebagaimana telah dinukilkan oleh Ibn Hajar:

عَنِ ابْنِ خُرَيْجٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ ابْنِ شَهَابٍ الزُّهْرِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ لَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ أَمَرَ بِالتَّارِيخِ فَكُتِبَ فِي ربيع الأول

Bermaksud: "Dari Ibn Jurayj dari Abu Salamah dari ibn Syihab, sesungguhnya Nabi s.a.w ketika sampai ke Madinah baginda memerintahkan menulis tarikh, maka ditulis pada Rabi' al-Awwal".

Menurut Ibn Hajar lagi, hadis tersebut *mu'addal*⁵ bertentangan dengan hadis masyhur yang diterima dari *al-Sya'bi*. Menurutnya lagi hadis ini juga bertentangan dengan realiti kehidupan masyarakat Arab ketika itu yang cenderung menggunakan identifikasi tahun berdasarkan sesuatu peristiwa besar yang berlaku, seperti Tahun Gajah, Tahun Izin, Tahun Amar dan Tahun *Zilzal*.

Riwayat yang masyhur berkaitan penetapan tarikh adalah berlaku pada zaman pemerintahan *Khalifah al-Rashidin* yang kedua iaitu 'Umar Ibn al-Khattab (586 – 644M). Pada tahun ke tujuh belas hijrah, beliau telah mengutus dokumen kepada Gabernornya Abu Musa al-Asy'ari di Basrah dengan bertarikhkan bulan *Sya'ban* sahaja. Abu Musa al-Asy'ari telah membalas dan bertanya kepada 'Umar:

"*Sesungguhnya telah datang kepada kami satu dokumen tanpa tarikh dari Amir al-Mukminin. Kami telah membacanya bertarikhkan Sya'ban dan kami tidak pasti adakah ianya Sya'ban yang kami berada sekarang atau Sya'ban tahun lepas*".

Kedatangan surat Abu Musa al-Asy'ari tersebut menyebabkan 'Umar mengumpulkan para sahabat dan golongan cendekiawan bagi menetapkan tarikh permulaan tahun. Perjumpaan ini telah berlaku pada hari Rabu 20 Jamadil Akhir 17 Hijrah bersamaan 8 Julai 638 Masihi.


⁵ Hadis *Mu'addal* ialah hadis yang kehilangan dua rawi pada sanadnya secara berterusan. Ulama sependapat mengatakan hukum hadis *Mu'addal* adalah dhaif dan darjatnya lebih kurang dari hadis *Mursal* dan *Munqot* disebabkan kehilangan dua orang rawi.

Mereka telah berselisih dalam menentukan sesuatu peristiwa sebagai permulaan tahun. Pelbagai buah fikiran telah dilontarkan oleh para sahabat; ada yang mahu menjadikan hari kelahiran Nabi dan hari kewafatan Nabi sebagai permulaan tarikh. Mereka telah menerima pendapat ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali yang melihat hijrah Nabi s.a.w sebagai permulaan tarikh *al-qamari*. ‘Umar berkata: *“Hijrah telah memisahkan antara kebenaran dan kebatilan, maka jadikanlah ianya sebagai permulaan tarikh”*. Mereka bersetuju memilih hijrah sebagai asas penetapan tarikh ketika Rasulullah s.a.w telah sempurna sampai ke Quba pada hari Isnin 8 *Rabi‘ al-Awwal* tahun 1 Hijrah bersamaan 20 September 622 Masihi. Menurut Prof. Tuan Hj. Abdul Halim bin Mohamed Tahir dalam kertas kerja bertajuk *“Kajian ke arah Pembentukan Takwim Hijriyyah Imkanur – Rukyah bagi Negara Malaysia”* beliau berkata; jika dikirakan ke belakang berdasarkan *ru‘yah*, maka 1 Muharram bagi tahun pertama hijriah (1 Muharram 0001 H) jatuh pada hari jumaat 16 Julai 622M. Ini kerana para sahabat bersetuju bahawa permulaan bulan *Muharram* tahun pertama hijrah tersebut bermula 67 hari sebelum Rasulullah s.a.w sampai ke Madinah.

Setelah peristiwa hijrah dipersetujui untuk dijadikan asas permulaan tahun, mereka juga bersetuju memilih *Muharram* sebagai bulan pertama dalam perkiraan tahun hijrah. Ini berdasarkan beberapa faktor berikut:

- i- Pemilihan *Muharram* sebagai permulaan tahun hijri adalah merujuk kepada permulaan tahun dalam masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. *Muharram* adalah bulan pertama muncul selepas selesai musim perniagaan dan haji.
- ii- Perjanjian ‘Aqabah antara kumpulan penduduk Madinah dan Nabi s.a.w telah sempurna berlaku pada musim haji iaitu dalam bulan *Zu al-hijjah*. Bulan *Muharram* adalah bulan yang datang selepas *Zu al-hijjah* dan diizinkan untuk berhijrah. Pengiraan tahun hijrah bermula dalam bulan *Muharram*.

Merujuk kepada perbincangan di atas didapati peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w dijadikan sebagai asas dalam penjenamaan tahun hijri yang kita sedang gunakan sekarang. Sudah tentu ianya memberikan impak kepada kehidupan kita seharian khususnya dalam ibadah agar kita mengambil pengajaran dari pemilihan hijrah sebagai permulaan takwim Islam sepertimana kata Umar al-Khattab *“Hijrah telah memisahkan antara kebenaran dan kebatilan, maka jadikanlah ianya sebagai permulaan tarikh”*.



Biografi Tokoh Ulama' :

IMAM AL-SYAFIE, PENGEMBARA ILMU TERULUNG

Oleh : Ustaz Muhammad Asyraf bin Sulaiman

Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafie. Beliau adalah imam yang ketiga di kalangan imam empat mazhab yang mu'tabar mengikut susunan tarikh kelahiran. Beliau adalah penyokong kepada ilmu hadith dan pembaharu agama (mujaddid) bagi abad kedua hijrah. Imam Ahmad bin Hanbal berkata : "Diriwayatkan Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda :

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah akan membangkitkan untuk umat ini pada setiap awal 100 tahun orang yang memperbaharui untuk mereka agama mereka."

[H.R Abu Daud]

Imam Ahmad telah mengisytiharkan tentang sahihnya hadith ini, sepertimana yang dinukilkan oleh Imam al-Dzahabi di dalam kitabnya Siyar al-A'lam, bahawa Imam Ahmad bin Hanbal berkata : "Zahir hadith ini menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah membangkitkan bagi manusia setiap awal 100 tahun orang yang mengajarkan mereka sunnah-sunnah, dan menolak kedustaan dari Rasulullah s.a.w. Maka aku melihat (pembaharu) pada pada abad pertama adalah Umar bin Abdul Aziz dan pada abad kedua adalah Imam al-Syafie."

Beliau berkata : "Allah S.W.T menghantar kepada umat ini seorang pembaharu agama. Khalifah Umar bin Abdul Aziz dihantar untuk seratus tahun yang pertama dan aku berharap Imam al-Syafie untuk seratus tahun yang kedua."

Masa hidup Imam al-Syafie ialah semasa pemerintahan Abbasiyyah. Di waktu ini adalah suatu permulaan bagi perkembangan ilmu pengetahuan. Di samping itu juga, penterjemahan kitab-kitab dan ilmu falsafah mulai meluas dipindahkan serta disusun dan berbagai-bagai fahaman telah timbul dalam masyarakat Islam. Pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan masyarakat telah berlaku dan bermacam-macam pula aliran pemikiran yang berkembang. Percubaan untuk membuat kacau dan kejahatan di kalangan umat telah berlaku daripada golongan al-Mutakallimin serta pengacau yang telah keluar dari agama. Perbezaan antara puak atau Ahlu al-Hadith dan Ahlu al-Naqli dengan puak Ahlu al-Ra'yi mula diketahui ramai. Perbincangan dan perdebatan antara kedua-duanya semakin meluas, tetapi Imam al-Syafie lebih rapat kepada puak yang pertama. Kerajaan Islam mulai berkembang dan ibu-ibu kota yang besar membangun, yang terkenal sebagai gedung ilmu pengetahuan, seperti Kota Baghdad, Kufah, Basrah, Damsyiq, Fustat, Qurtubah, Qairawan dan lain-lain lagi.

KELAHIRAN DAN KETURUNAN IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie dilahirkan di Bandar Ghazzah, Palestin pada tahun 105 hijrah dan tarikh inilah yang termasyhur di kalangan ahli sejarah. Ada pula yang mengatakan beliau dilahirkan di Asqalan, iaitu wilayah yang jauhnya dari Ghazzah lebih kurang tiga batu dari Baitu al-Maqdis. Pendapat yang lain mengatakan beliau dilahirkan di negeri Yaman.

Yaqut al-Hamawi menceritakan bahawa Imam al-Syafie pernah menceritakan : "Aku dilahirkan di negeri Yaman, ibuku bimbang aku akan terbiar lalu dibawanya aku bersama-sama ke Makkah ketika umurku lebih kurang sepuluh tahun."

Untuk menyatukan antara pendapat-pendapat tersebut, ada pendapat mengatakan beliau dilahirkan di Ghazzah dan membesar di Asqalan. Penduduk Asqalan kesemuanya dari kabilah orang Yaman. Yaqut telah menceritakan ketiga-tiga riwayat dan kemudian berkata : "Tidak syak lagi bahawa Imam al-Syafie dilahirkan di Ghazzah, kemudian beliau berpindah ke Asqalan dan tinggal di sana sehingga remaja."

Imam al-Nawawi berkata : Pendapat yang masyhur ialah beliau dilahirkan di Ghazzah. Imam al-Syafie dilahirkan pada malam Imam Abu Hanifah meninggal dunia. Jika pendapat ini benar, kepastian tentang ini adalah jauh kerana suatu perkara yang terjadi adalah kebetulan sahaja. Seorang imam meninggal dunia, manakala di masa itu juga lahir seorang imam yang lain.

Keturunan Imam al-Syafie : Abu Abdullah bin Idris bin al-Abbas, Uthman bin Syafie bin al-Saib bin Ubaid bin Abdu Yazid bin Hasyim bin al-Muthallib bin Abdul Manaf. Beliau adalah dari keturunan suku (bani) Hasyim dan Abdul Muthallib. Keturunannya bertemu dengan keturunan Rasulullah s.a.w, iaitu datuknya Abdul Manaf. Lantaran itu juga, kepada Imam al-Syafie "Anak Bapa Saudara Rasul"

Yaqut berpendapat : "Hasyim yang disebut di dalam salasilah keturunan Imam al-Syafie itu bukanlah Hasyim datuk kepada Rasulullah s.a.w. Hasyim, datuk kepada Nabi s.a.w ialah Hasyim bin Abdul Manaf dan anak kepada Qusai."

Dengan adanya pertalian tersebut, Imam al-Syafie menganggap dirinya hampir kepada Rasulullah s.a.w, bahkan beliau dari keturunan "Zawi al-Qurba" yang berjuang bersama Rasulullah di zaman Jahiliah dan Islam. Mereka bersama Rasulullah juga semasa orang Quraisy memulaukan Rasulullah s.a.w. Mereka juga menanggung penderitaan bersama-sama Rasulullah s.a.w.

Keluarga Imam al-Syafie berasal dari keluarga Palestin yang miskin, yang dihalau dari negerinya. Mereka hidup dalam perkampungan orang Yaman, tetapi kemuliaan keturunan beliau adalah menjadi tebusan kepada kemiskinan. Bapa Imam al-Syafie meninggal dunia semasa beliau masih kecil lagi. Ibu beliau membawanya ke Makkah ketika umurnya pada ketika itu ialah 10 tahun. Ibu Imam al-Syafie berketurunan al-Uzd. Ada pendapat yang mengatakan beliau Quraisy adalah tidak benar.

Semasa muda, Imam al-Syafie hidup di dalam kemiskinan sehingga beliau terpaksa mengumpul batu-batu yang baik, tulang, pelepah tamar dan tulang unta untuk ditulis di atasnya. Kadangkala, beliau pergi ke tempat-tempat perhimpunan orang ramai dan meminta kertas untuk menulis pelajarannya.

IMAM AL-SYAFIE MENUNTUT ILMU

Imam al-Syafie dapat menghafaz al-Quran dengan mudah, iaitu semasa beliau kecil lagi, termasuk juga menghafaz hadith-hadith dan menulisnya. Beliau sangat tekun mempelajari kaedah-kaedah dan nahu Bahasa Arab. Untuk tujuan itu, beliau pernah mengembara ke kampung dan tinggal bersama puak (kabilah) "Huzail" lebih kurang sepuluh tahun kerana hendak mempelajari bahasa mereka dan juga adat resam mereka.

Kabilah Huzail adalah satu kabilah yang terkenal sebagai puak yang baik bahasa Arabnya. Imam al-Syafie banyak menghafal syair-syair dan qasidah dari puak Huzail. Sebagai bukti, al-Asma'ie pernah berkata : Beliau pernah membetulkan syair-syair Huzail dengan seorang pemuda dari keturunan bangsa Quraisy bernama Muhammad bin Idris (Imam al-Syafie).

Selain daripada mempelajari ilmu pengetahuan, beliau berpeluang untuk mempelajari memanah sehinggakan beliau dapat memanah sepuluh sasaran dengan tepat tanpa melakukan kesilapan. Beliau pernah berkata : "Cita-citaku adalah dua perkara ; Panah dan ilmu dan aku berjaya mengenakan sepuluh daripada sepuluh." Mendengar percakapannya itu, orang yang ada bersamanya berkata : "Demi Allah bahawa ilmu kamu lebih baik daripada memanah." Seperti yang kita ketahui bahawa Imam al-Syafie Rahimahullah pada masa mudanya banyak mempelajari syair dan sastera, tetapi Allah menyediakan baginya beberapa sebab yang mendorong beliau untuk mempelajari ilmu feqah dan ilmu-ilmu yang lain. Kita dapati beberapa riwayat yang menerangkan sebab tersebut. Di antaranya : Pada suatu masa, Imam al-Syafie berjalan-jalan dengan menunggang seekor binatang. Bersama-sama beliau adalah seorang jurutulis kepada Abdullah bin al-Zubairi dan tiba-tiba Imam al-Syafie membaca satu rangkap syair. Jurutulis itu menepuk belakang beliau untuk memberi nasihat kepadanya : "Orang yang semacam kamu tidak sesuai membaca syair yang sedemikian kerana ia menjatuhkan maruah." Orang itu bertanya lagi : "Di manakah kamu dengan ilmu feqah?" Pertanyaan ini sangat berkesan hingga memberi kesedaran kepada Imam al-Syafie.

Oleh itu, beliau terus mengikuti Muslim bin Khalid al-Zanji, seorang Mufti Makkah ketika itu untuk mempelajari ilmu feqah daripadanya. Dari riwayat yang lain pula, Imam al-Syafie menemui Muslim semasa dalam perjalanan untuk mempelajari ilmu nahu bahasa Arab dan sastera. Muslim berkata kepadanya : "Dari manakah kamu?" Imam al-Syafie menjawab : "Aku dari orang Makkah." Muslim bertanya lagi : "Di manakah rumah kamu?" Imam al-Syafie menjawab : "Dari Kabilah Abdu Manaf." Muslim berkata : "Baik, baik dan sebenarnya Allah telah memuliakan kamu di dunia, mahupun di akhirat. Alangkah baik jika kamu gunakan kecerdikanmu ini untuk mempelajari ilmu feqah dan inilah yang lebih baik untuk kamu."

Riwayat lain pula : Pada suatu masa, Imam al-Syafie sedang mendalami ilmu syair dan pada masa itu, beliau menaiki sebuah busut di suatu tempat di Mina. Tiba-tiba, beliau terdengar suara dari belakangnya menyeru : Pelajarilah ilmu feqah. Lantaran itulah beliau mempelajari ilmu feqah. Kebanyakan tanggapan mengatakan bahawa riwayat-riwayat di atas adalah semata-mata khayalan sahaja, bukan sebenar-benar berlaku. Riwayat yang lain pula : Pada suatu hari, Mus'ab bertemu dengan Imam al-Syafie yang sedang bergiat mempelajari syair nahu bahasa Arab. Mus'ab bertanya : "Untuk apakah ini?" Jika kamu mempelajari feqah dan hadith, tentulah lebih sesuai bagimu." Pada suatu masa yang lain pula, Mus'ab dan al-Syafie datang menemui Imam Malik bin Anas Rahimahullah. Mus'ab meminta Imam Malik mengajar Imam al-Syafie. Oleh itu, Imam al-Syafie dapat mempelajari ilmu yang banyak daripada Imam Malik dan beliau tidak meninggalkan sedikit ilmu pun yang didapati para syeikh-syeikhnya di Madinah.

Imam al-Syafie mengembara ke negeri Iraq untuk mempelajari dengan Muhammad al-Hasan. Selepas beberapa tahun kemudian, Mus'ab dan Imam al-Syafie datang ke Makkah. Mus'ab menceritakan perihal Imam al-Syafie kepada Ibnu Daud r.a, lalu dihadihkannya sebanyak sepuluh ribu dirham.

Inilah antara empat riwayat atau kisah yang menceritakan tentang sebab-sebab yang mengubah tumpuan Imam al-Syafie dari mempelajari bahasa dan sastera kepada mempelajari ilmu feqah dan sejarah. Tidak mustahil kesemua riwayat itu harus berlaku, walaupun padal ahirnya, satu daripadanya sahaja yang berlaku. Walau bagaimanapun, kesemua riwayat tersebut menerangkan asal usul kita.

Satu perkara yang boleh diterima, iaitu bahawa Allah SWT menyediakan bagi Imam al-Syafie orang-orang yang menerangkan tentang nilai ilmu feqah dan kelebihanannya dari ilmu bahasa dan sastera. Pendapat yang sebenarnya ialah Imam al-Syafie menuntut ilmu di Makkah sehingga beliau menjadi seorang yang bijak. Walaupun beliau mendapat kebenaran untuk member fatwa dan hukum-hukum dari gurunya, Muslim bin Khalid al-Zanji Rahimahullah, beliau masih tidak berpuas hati. Bahkan beliau tetap menyambung mempelajari ilmu-ilmu, kemudian berpindah ke Madinah. Di Madinah, beliau telah belajar dengan Imam Malik, iaitu setelah beliau bersedia untuk berjumpa dengannya untuk mempelajari kitab al-Muwattha'. Imam al-Syafie dapat menghafaz hamper keseluruhannya. Sebagaimana yang diketahui, beliau mengambil surat akuan dari Gabenor Makkah untuk menemui Imam Malik. Apabila Imam Malik menemui Imam al-Syafie beliau berkata : " Allah telah memasukkan cahaya (nur) ke dalam hati engkau, maka janganlah engkau memadamkannya dengan membuat maksiat."

Setelah Imam al-Syafie belajar denganm Imam Malik, Imam Malik meminta beliau suoya belajar dengan lebih bersungguh lagi. Imam al-Syafie terus mempelajari ilmu hadith dan feqah daripada Imam Malik sehinggalah Imam Malik meninggal dunia, iaitu pada tahun 179 hijrah. Imam al-Syafie pernah menziarahi ibunya di Makkah dan beliau pernah juga mengembara semasa beliau menuntut ilmu dengan Imam Malik.

PEKERJAAN IMAM AL-SYAFIE

Ketika zaman remajanya, Imam al-Syafie merasakan bahawa beliau telah mendapat ilmu yang mencukupi, hinggakan beliau bercita-cita bekerja untuk mencari nafkah hidup kerana beliau seorang yang miskin.

Cita-cita ini timbul setelah Imam Malik meninggal dunia. Secara kebetulan, seorang gabenor Yaman datang melawat Hijaz. Beberapa orang Quraisy mencadangkan kepada gabenor itu supaya mengambil Imam al-Syafie bekerja di negeri Yaman. Permintaan tersebut telah diterima dan Imam al-Syafie menyewa sebuah bilik untuk menyiapkan dirinya. Kemudian beliau memegang jawatan di "Najran". Keadilan dan kejujuran Imam al-Syafie diketahui ramai. Ramailah penduduk Najran cuba mengusir kedudukan beliau, tetapi tidak berjaya. Imam al-Syafie berkata : "Apabila gabenor datang kepada mereka, mereka pun bermuka-muka kepada aku, tetapi mereka tidak berjaya."

Pengembaraan beliau dari suatu tempat atau suatu negeri ke suatu negeri juga menolong beliau mempertingkatkan dan mendalami ilmu yang dipelajari. Beliau pernah mengembara ke negeri Yaman, Bandar Kufah, Basrah, Baghdad, Makkah dan Mesir. Antara sebab yang lain pula ialah melalui perbahasan dan pertukaran fikiran dengan para alim ulama' seperti ulama' mutakallimin, falsafah, feqah, hadith dan lain-lain, termasuk juga kajian dan pemerhatian individu.

Itulah antara faktor yang membentuk ilmu pengetahuan Imam al-Syafie yang tinggi dan ianya adalah suatu perkara yang penting. Beliau berkata : "Sesiapa yang mempelajari al-Quran maka tinggilah ilmunya. Sesiapa yang menulis hadith, kuat dan kukuhlah hujahnya. Sesiapan yang berbincang tentang hukum-hukum feqah, maka ia menjadi bijak. Sesiapa yang mengambil berat tentang adab dan budi pekerti, maka budi bahasanya menjadi lembut dan halus. Sesiapa yang memikirkan tentang ilmu kira-kira (hisab), akalunya akan berkembang dan sesiapa yang tidak menjaga kehormatan diri, ilmunya tidak akan member suatu faedah sekalipun.

GURU-GURU (SYEIKH-SYEIKH) IMAM AL-SYAFIE

Guru Imam al-Syafie yang pertama ialah Muslim Khalid al-Zanji Rahimahullah dan yang lain-lainnya adalah imam-imam Makkah. Ketika umur beliau tiga belas tahun, beliau mengembara ke Madinah. Di Madinah, beliau belajar dengan Imam Malik sehinggalah Imam Malik meninggal dunia. Ramai lagi guru-gurunya yang lain sama ada dari kampung-kampung atau bandar-bandar yang besar yang diziarhinya.

Antara guru-gurunya di Makkah ialah :-

- i. Muslim bin Khalid al-Zanji
- ii. Sufian bin Uyainah bin Abi Imran Maimun al-Hilali al-Kufi
- iii. Said bin Salim al-Qaddah, nama sebenarnya Abu Uthman al-Khurasani
- iv. Daud bin Abdur Rahman al-Attar, iaitu Abu Sulaiman al-Makki
- v. Abdul Hamid bin Abdul Aziz bin Abi Rawwad al-Uzdi
- vi. Imam Abu Ali Ismail bin Qastatin al-Makki

Sementara di Madinah pula ialah :

- i. Malik bin Anas, Imam Dar al-Hijrah
- ii. Ibrahim bin Sa'd al-Ansari
- iii. Abdul Aziz bin Muhammad al-Dawardi
- iv. Ibrahim bin Abi Yahya al-Usami
- v. Muhammad Said bin Abi Fudaik
- vi. Abdullah bin Nafi' al-Saigh

Di Yaman pula ialah :

- i. Mutarrif bin Mazin
- ii. Hisyam bin Abu Yusuf, Qadhi bagi Bandar San'a
- iii. Amru bin Abi Salamah, rakan kepada al-Auza'ie
- iv. Yahya bin Husin, rakan kepada al-Laith bin Sa'd

Di Iraq pula ialah :

- i. Muhammad bin al-Hasan al-Syaibani
- ii. Waki' bin al-Jarrah al-Kufi
- iii. Abu Usamah Hamad bin Usamah al-Kufi
- iv. Ismail bin Atiyah al-Basri
- v. Abdul Wahab bin Abdul Majid al-Basri
- vi. Abu Yusuf, Qadhi al-Qudhah

Di Mesir pula, Imam al-Syafie menuntut ilmu dengan seorang perempuan yang bernama Sayyidah Nafisah bin Hasan bin Zaid bin al-Hasan bin Ali. Beliau adalah sealim-alim ulama' di Mesir hingga mengalahkan kaum lelaki. Imam al-Syafie amat meminati Sayyidah Nafisah ini, lebih-lebih lagi beliau ini juga adalah keturunan anak cucu Rasulullah s.a.w. Beliau belajar dengan guru wanitanya ini dari belakang tabir, bukan secara mendepani muka. Guru-gurunya yang berlainan memudahkan beliau meluaskan bidang ilmu feqah dan menambahkan ilmu yang dipelajari serta meninggikan ilmu pengetahuannya.

Di Baghdad pula, beliau mempelajari ilmu hadith dan ilmu akal dari gurunya, Muhammad bin al-Hasan Rahimahullah. Beliau menulis ilmu-ilmu yang diterima keseluruhannya. Beliau sangat menghormati gurunya dan begitu juga gurunya menghormati beliau. Imam al-Syafie menghormati majlis-majlis gurunya lebih dari majlis-majlis diraja. Beliau tidak pernah meninggalkan majlis-majlis yang diadakan oleh gurunya. Oleh kerana menghormati gurunya, beliau tidak pernah berbincang dengan gurunya kecuali setelah beliau mendapat kebenaran daripada gurunya. Apabila gurunya meninggalkan majlis, beliau terus mempertahankan kedudukan ilmu feqah orang-orang Madinah.

Mengikut kisah yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya, Ihya' Ulum al-Din bahawa Imam al-Syafie pernah duduk di hadapan seorang ulama' tasawwuf, Syaiban seorang pengembala kerana beliau belajar ilmu kebatinan atau ilmu hati. Dengan lebih tepat lagi, berkaitan persoalan tasawwuf. Walaupun begitu, masih tidak jelas, adakah ia Syaiban bin Ibrahim, seorang ahli tasawwuf dan seorang Wali Allah di Mesir yang digelar dengan Zu al-Nun al-Misri.



KITAB-KITAB KARANGAN IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie banyak menyusun dan mengarang kitab. Mengikuti sebahagian ahli sejarah bahawa beliau menyusun 13 buah kitab di dalam beberapa bidang ilmu pengetahuan iaitu seperti ilmu feqah, tafsir, usul dan sastera (al-Adab) serta yang lain-lain.

Antara kitab Imam al-Syafie yang lain adalah "al-Risalah", yang membicarakan tentang ilmu usul feqah. Beliau menyusun kitab al-Risalah sebagai menerima permintaan Abdul Rahman bin al-Mahdi Rahimahullah kerana beliau adalah imam bagi ahli hadith pada masa itu. Manusia dapat menerima dengan baik kitab ini dan berbagai-bagai pendapat manusia tentang kitab ini.

Abdul Rahman bin al-Mahdi Said al-Khattab Rahimahullah memandang tinggi terhadap kitab al-Risalah ini, seterusnya mereka yang ada pada masa itu serta yang selepasnya. Al-Muzani berkata : "Aku membaca al-Risalah sebanyak lima ratus kali. Setiap kali aku membacanya, aku dapat hukum-hukum yang baru." Beliau berkata lagi : "Aku membaca kitab al-Risalah sejak lima puluh tahun dahulu dan setiap kali aku membacanya, aku mendapati satu perkara yang baru."

Kitab karangan Imam al-Syafie yang lain ialah kitab al-Umm, iaitu sebuah kitab yang luas dan tinggi bagi ilmu feqah. Sesetengah ahli sejarah menafikan kitab al-Umm dikarang oleh Imam al-Syafie. Mereka berpendapat, kitab al-Umm dikarang oleh Abi Ya'akub bin al-Buwaihi Rahimahullah. Sebagai buktinya, Abi Talib al-Makki pernah menyebut di dalam kitabnya "Qut al-Qulub". Ada yang mengatakan kitab al-Umm adalah daripada al-Buwaihi. Beliau menyusun kitab al-Umm yang dikatakan pada masa sekarang daripada al-Rabi' bin Sulaiman. Sebenarnya, ia adalah himpunan daripada al-Buwaihi, tetapi beliau tidak menyebut namanya di dalam kitab dan diserahkan kitab itu kepada al-Rabi'. Al-Rabi' menambah dan menyebarkannya kepada manusia untuk mengetahuinya.

Semasa di Iraq, Imam al-Syafie menyusun kitabnya yang lama, yang diberi nama al-Hujjah. Kitab ini telah disahkan oleh empat orang dari ulama' yang terbesar, iaitu Imam Ahmad bin Hanbal, Ibnu al-Thaur, al-Za'faran dan al-Karabisi.

Antara kitabnya yang lain ialah :

- i. Al-Wasaya al-Kabirah
- ii. Ikhtilaf Ahli al-Iraq
- iii. Wasiyyatu al-Syafie
- iv. Jami' al-Ilm
- v. Ibtal al-Istihsan
- vi. Jami' al-Mizan al-Kabir
- vii. Jami' al-Mizan al-Saghir

- viii. Al-Amali
- ix. Mukhtasar al-Rabi'
- x. Mukhtasar al-Buwaihi
- xi. Al-Imla'
- xii. Ikhtilaf al-Hadith
- xiii. Al-Musnad
- xiv. Mukhtasar al-Kabir dan lain-lain.

Imam al-Syafie menyusun sebahagian dari kitab-kitabnya atau pun beliau menulisnya sendiri.

SIFAT DAN KEPERIBADIAN IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie seorang yang tampan rupa parasnya. Badannya tinggi serta lehernya jinjang. Warna kulitnya kemerah-merahan. Suaranya merdu dan baik sebutan. Orang ramai kerap kali mengagis apabila mendengar bacaan al-Quran yang dibacanya. Beliau memakai sebetuk cincin yang tertulis padanya "Cukuplah Allah sebagai thiqah bagi Muhammad bin Idris."

Beliau seorang yang tajam pemikiran, tinggi kefahaman serta luas pandangan. Bisyr al-Muraisyi pernah berkata : "Lelaki ini akalnya menyamaiseparuh akal ahli dunia." Beliau seorang yang hebat dalam perbincangan. Fasih lidahnya, jelas penerangannya serta kuat imannya. Ishaq bin Rahuyah pernah berkata : "Beliau adalah ahli pidato kepada ulama' dan banyak mengetahui rahsia jiwa." Antara akhlaknyalah beliau menjaga maruah sehingga Yahya bin Ma'in pernah berkata : "Jika dusta itu harus, nescaya tentulah Imam al-Syafie menahan dari berdusta kerana menjaga maruah."

MUTIARA KATA IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie adalah seorang yang alim dalam bidang ilmu feqah. Beliau juga terkenal di dalam sastera bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang lain. Beliau juga seorang yang bijak. Nasihat-nasihat beliau mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Antara kata-kata dan nasihat Imam al-Syafie adalah :

1. Belajarlah ilmu feqah sebelum kamu menjadi ketua dan apabila kamu menjadi ketua, maka tidak ada jalan lagi untuk belajar.
2. Menuntut ilmu adalah lebih baik daripada solat sunat
3. Keredhaan manusia adalah suatu tuntutan yang tidak terhingga baiknya. Aku berkata sedemikian adalah semata-mata untuk memberi nasihat, bukanlah terselamat manusia daripada satu jalan. Maka hendaklah engkau melakukan apa yang berguna pada diri engkau. Jalankanlah perkara itu terlebih dahulu dan tinggalkanlah manusia dengan keadaannya.

4. Sesiapa yang benar dalam persaudaraan dengan sahabatnya, akan ditutup kekurangan dan diampun kehinaannya.

5. Sesiapa yang hendak kepada dunia, maka hendaklah ia mencari ilmu dan sesiapa yang berkehendak kepada akhirat juga, hendaklah ia mencari ilmu.

6. Seseorang itu tidak akan berjaya di dalam menuntut ilmu melainkan ia menuntut semasa dalam kemiskinan. Sesungguhnya aku pernah meminta kertas, tetapi aku sukar untuk mendapatkannya.

7. Sesiapa yang menuntut ilmu, hendaklah ia mendalaminya. Tanpa keikhlasan, ilmu itu akan hilang.

8. Perhiasan ulama' ialah petunjuk, manakala pakaiannya pula baik akhlaknya, sementara kecantikan mereka ialah berjiwa mulia.

9. Kemiskinan ulama' ialah kemiskinan ikhtiar, manakala kemiskinan orang jahil ialah kemiskinan kesusahan.

10. Sesiapa yang mulia tanpa ketaqwaan, maka ia bukanlah orang yang mulia.

11. Sesiapa yang tamak haloba kepada dunia ini, dia akan menjadi hamba kepada ahli dunia.

12. Jika aku mendapati minuman yang sejuk dapat mengurangkan maruah, sudah tentu aku tidak akan meminumnya.

13. Orang yang menjaga maruah sentiasa di dalam perjuangan.

14. Manusia yang paling tinggi darjatnya ialah mereka yang tidak melihat darjatnya. Begitu juga semulia-mulia manusia ialah yang tidak melihat kemuliaannya.

15. Pertolongan adalah penyucian keaiban.

16. Persahabatan dengan orang yang tidak takut kepada keaiban akan mendapat malu di akhirat.

17. Engkau dijadikan oleh Allah dengan bebas, maka hendaklah engkau hidup bebas sebagaimana engkau dijadikan.

18. Sesiapa yang memegang jawatan Qadhi, sedangkan ia tidak dikehendaki, ia adalah seorang pencuri.

19. Sesiapa yang mendengar dengan telinga, ia seorang pencerita dan sesiapa yang mendengar dengan hatinya, ia adalah orang yang sedar dan sesiapa yang member nasihat dengan perbuatan, ia adalah seorang penunjuk.

20. Sesiapa yang tidak pernah merasakan kepahitan menuntut ilmu walaupun sesaat, dia akan menanggung hinanya kejahatan sepanjang hayatnya, dan sesiapa yang ketinggalan menuntut ilmu di waktu mudanya, bertakbirlah kepadanya empat kali kerana kematiannya. Nilai pemuda itu, demi Allah ada pada ilmu dan taqwa. Jika keduanya tiada, maka dirinya tiada berguna.

KELUARGA IMAM AL-SYAFIE

Dikatakan bahawa Imam al-Syafie berkahwin dengan Hamidah binti Nafi' bin Anbasah bin 'Amr bin Uthman bin Affan. Daripada perkahwinan tersebut, beliau mempunyai tiga orang zuriat. Seorang putera dan dua orang puteri. Puteranya bernama Abu Uthman Muhammad. Beliau seorang Qadhi di Bandar Halab, Syria. Manakala puterinya pula bernama Fatimah dan Zainab.

PENYAKIT DAN KEMATIAN IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie banyak menghidap penyakit semasa hidupnya. Antaranya ialah penyakit buasir yang menyebabkan keluarnya darah pada setiap waktu dan beliau meninggal dunia. Riwayat ini daripada Imam Abu Zahrah. Imam al-Syafie Rahimahullah meninggal dunia di Mesir pada malam Khamis selepas Maghrib, iaitu pada malam akhir bagi bulan Rejab tahun 204 hijrah. Imam al-Syafie menghembuskan nafasnya yang terakhir di sisi muridnya yang setia, iaitu Imam al-Rabi' bin Sulaiman al-Jizi Rahimahullah. Umurnya ketika itu ialah lima puluh empat tahun. Beliau meninggal dunia di kediaman Abdullah bin Abdul Hakam dan kepadanya beliau meninggalkan wasiat. Jenazah Imam al-Syafie dikebumikan pada hari Jumaat selepas Asar pada keesokan harinya. Anak-anak Abdul Hakam mengebumikannya di tanah perkuburan mereka, iaitu di sebelah barat al-Khandak. Di sekelilingnya ialah kubur-kubur anak Zahrah. Yaqut berkata: "Kuburnya sangat masyhur di sana sebagai dalil kebenarannya."

SELEPAS IMAM AL-SYAFIE MENINGGAL DUNIA

Ibnu Farhun menceritakan di dalam kitab "al-Dibaj al-Mazhab" bahawa sekumpulan manusia duduk di dalam majlis ilmu Imam al-Syafie selepas beliau meninggal dunia. Tiba-tiba, datang seorang Arab mengucapkan salam dan bertanya: "Di manakah Imam al-Syafie? Di manakah bulan dan matahari bagi majlis ini?" Mereka menjawab kepadanya: "Beliau telah meninggal dunia!". Orang itu menengis dengan kuat dan berkata: "Semoga Allah mengasihannya dan mengampunkan dosa-dosanya." Katanya lagi: "Beliau adalah pembuka kepada pintu-pintu hujah yang tertutup, juga penutup lawannya dengan hujah yang terang. Beliau juga menyucikan air muka yang hitam. Seterusnya, beliau pembuka pintu fikiran-fikiran yang tertutup rapat. Semoga Allah meredhainya!"

PUJIAN ULAMA' TERHADAP IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie mendapat sanjungan dan pujian daripada rakan taulan, murid dan tokoh pada zamannya. Ini menunjukkan ketokohnya diakui oleh ramai orang. Ramai ulama' dan tokoh cendekiawan Islam memuji kelebihan Imam al-Syafie. Dinyatakan di sini beberapa pujian terhadap Imam al-Syafie, antaranya :

1. Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah berkata : "Selama hayatku, aku tidak faham erti nasikh dan mansukh (dalil yang memansuh dan dimansuh) sehingga belajar dengan Imam al-Syafie."
2. Imam Qasim bin Salam Rahimahullah berkata : "Belum pernah aku lihat, orang yang memiliki ilmu agama yang sempurna selain Imam al-Syafie."
3. Muslim bin Khalid al-Zinji Rahimahullah berkata : "Berfatwalah kamu, sesungguhnya engkau telah berhak memberi fatwa."
4. Imam Ishaq bin Rahawaih Rahimahullah berkata : "Ulama' tafsir bercerita kepadaku bahawa Imam al-Syafie antara paling handal berkenaan makna dan keterangan al-Quran."
5. Yunus bin Abdul A'la Rahimahullah berkata : "Imam al-Syafie tatkala menafsir al-Quran, seolah-olah beliau menyaksikan ayat al-Quran itu diturunkan."
6. Imam Hilal bin al-A'la al-Raqi Rahimahullah berkata : "Ulama' hadith seolah-olah anak buah kepada Imam al-Syafie kerana beliaulah yang membawa kunci ilmu hadith kepada mereka."
7. Imam al-Rabi' Rahimahullah berkata : "Imam al-Syafie sentiasa bangun malam beribadat sehingga beliau meninggal dunia."
8. Ahmad bin Abi Suraij Rahimahullah berkata : "Saya belum pernah menemui orang yang pintar berbicaraan menggunakan logik lebih daripada Imam al-Syafie."
9. Abdul Malik al-Hisyam al-Nahwi Rahimahullah berkata : "Imam al-Syafie adalah ahli bahasa."
10. Sayyidah Nafisah Rahimahallah berkata : "Semoga Allah melimpahi rahmat-Nya kepada Imam al-Syafie kerana beliau seorang yang sentiasa memperbaharui wudhuknya."

KEISTIMEWAAN IMAM AL-SYAFIE

Imam al-Syafie mempunyai banyak keistimewaan, antaranya ialah :

Pertama : Kecerdasan

Akal yang amat cerdas sehingga menjadi bidalan orang Arab yang berbunyi : "Sesiapa yang ingin menuntut ilmu, hendaklah mempunyai tiga perkara, iaitu kesabaran Nabi Ayub a.s, harta Qarun dan cerdik seperti Imam al-Syafie." Tanda dan dalil kecerdikannya amat jelas sejak daripada kecil lagi dalam pelbagai peristiwa, seperti hafazan syair, hafazan kitab al-Muwatta' dan lain-lain.

Kedua : Penguasaan Dalam Syair

Kepakarannya dalam bidang syair sehingga beliau dianggap sebagai failasuf (ahli falsafah) dalam lughah dan ma'ani. Inilah yang diakui oleh Imam Ahmad.

Ketiga : Perdebatan

Kehebatannya dalam berdebat. Hal ini diakui ketika beliau mampu berdebat dengan mengikut Mazhab Hanafi dan Maliki penuh dengan ketinggian ilmu dan kekuatan hujah sama ada aqli dan naqli.

Keempat : Pengasas Ilmu Usul Fiqh

Penguasaan yang mendalam dalam bidang ilmu usul fiqh sehingga beliau dianggap perintis ilmu tersebut, daripadanyalah usul fiqh disusun.

Kelima : Memanah


Kepintarannya dalam memanah dengan tepat. Dikatakan beliau pernah berkata : "Jika aku memanah sepuluh, nescaya kesemuanya tepat atau boleh jadi hanya satu yang tidak tepat." Ini melambangkan betapa Imam al-Syafie seorang yang menekuni dan mempunyai sasaran dalam hidupnya.

Keenam : Seorang Pakar Perubatan

Seorang pengamal perubatan yang cukup hebat abad ini iaitu al-Fadhilah Dr. Muhammad Mukhtar al-Syanqiti dalam bukunya, Ahkam al-Jarahah al-Tibbiyah berkata : "Ketika Imam al-Syafie mengunjungi Mesir, pakar-pakar perubatan datang untuk berdebat dan berbincang berkenaan isu perubatan dan akur dengan kehebatan ilmunya itu."

Ketujuh : Ketajaman Firasat

Imam al-Syafie mempunyai kelebihan tersendiri, iaitu ketajaman firasat, Ini berdasarkan kepada pengamatannya yang mendalam ketika beliau bersama dengan orang-orang Badwi pada masa kecil lagi. Hal ini diakui oleh al-Rabi' Rahimahullah. Banyak kisah-kisah yang meriwayatkan tentang Imam al-Syafie. Antaranya seperti riwayat al-Rabi' bin Sulaiman Rahimahullah, tatkala kami masuk menemuinya ketika hampir meninggal dunia, Imam al-Syafie melihat kami dengan renungan yang tajam, kemudian berkata : "Kamu Hai Abu Ya'akub (al-Buwaiti) akan mati dengan besi kamu. Kamu pula hai Muzani! Akan menguasai Mesir sehingga kamu dianggap secerdik manusia pada zamanmu. Adapun kamu hai Muhammad! Akan mengikut mazhab ayahmu. Adapun kamu hai Rabi'! Banyak memberi manfaat kepadaku dalam menyebarkan kitab."



MENDIDIK PEMUDA KEBAL GODAAN NAFSU; DITUK DAN RASUL D

Oleh: Ustaz Aswanzie Abbyd Bin Zainal Abidin

Diriwayatkan daripada Uqbah bin Amir, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah S.W.T kagum dengan pemuda yang tidak terdapat kecenderungan menuruti hawa nafsu pada dirinya" (H.R Ahmad)

Hadis ini menceritakan bahawa Allah S.W.T berasa kagum dengan hambaNya. Pun begitu, janganlah disandarkan kagum Allah S.W.T itu seperti kagum makhluk. Ini kerana, kagum makhluk itu disebabkan takjub atas perkara yang tidak biasa dilihat dan diluar pengetahuannya. Namun, Maha Suci Allah daripada sifat tidak mengetahui sesuatu yang lalu mahupun yang akan datang. Maksud hadis ini ialah, Allah S.W.T suka dan mencintai para pemuda yang berjaya mengawal hawa nafsu, lalu Allah s.w.t akan memberi ganjaran padanya dengan ganjaran yang sangat besar.

Muda Datang Sekali, Sangat Berharga

Acapkali kita dengar bahawa muda hanya sekali, maka berseronoklah. Pernyataan ini salah dan bertentangan dengan nilai Islam. Muda memang hanya sekali, namun, dengan nilai sekali seumur hidup itulah, maka kita perlu mengisinya dengan penuh hikmah dan bijaksana. Pepatah Melayu ada menyebut, melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Sebab itu, Rasulullah s.a.w menyuruh kita mendidik anak-anak seawal 7 tahun untuk mendirikan solat, dan 10 tahun mereka mesti dipukul bagi memberi pengajaran bahawa perintah Allah S.W.T tiada kompromi. Pendidikan awal anak ini pada pandangan manusia adalah kejam, tidak bertepatan dengan kaedah dan masa, tidak sesuai pada zaman ini dan pelbagai lagi. Jika anak-anak tidak dididik takut akan Allah, tidak dididik mentaati perintah dan arahan Allah, maka bagaimana agaknya apabila mereka dewasa nanti? Kalau perintah Allah sudah diingkari, apalah nilai arahan manusia. Dek kerana itulah, dilihat ramai anak-anak tidak mentaati ibu bapa, guru dan orang yang lebih tua implikasi daripada salah didik yang sepatutnya bermula awal dari kecil lagi.

Sepertimana mafhum daripada sabda Nabi Muhammad s.a.w iaitu ada sebahagian daripada golongan yang akan mendapat naungan Allah S.W.T di Mahsyar kelak dan salah satunya ialah pemuda yang hatinya tertaut di masjid. Sebab itu, dalam pandangan kita, tertaut di masjid hanya terbatas maksudnya kepada solat di masjid. Tetapi, tertaut pada masjid ini ada kaitan dengan perilaku dan adab. Bayangkan, seorang pemuda yang sentiasa solat berjamaah di masjid, pada setiap waktu solat, jika tidak solat di masjid, pasti tidak tenteram solatnya. Maka, mewujudkan hati yang tegar dengan masjid adalah satu proses yang susah, jika tidak dididik daripada seawal usia. Pendidikan inilah yang sewajibnya diterapkan agar para pemuda yang ada pada hari ini, menjadi *shabab rabbani* yang bakal memimpin Negara suatu masa nanti.

Kenapa Hanya Khusus Para Pemuda?

Berkata cerdas pandai,

"Jika ingin melihat jatuh bangun sesebuah negara itu, lihatlah pada para pemudanya".

Kata-kata ini sangat sinis, pedas dan tepat. Ia ada kaitan dengan sistem pendidikan dan cara mendidik anak muda. Bayangkan, pemuda terkinja-kinja dengan tarian "gangnam stail", k-pop dan sebagainya, bakal menjadi pemimpin negara? Mampukah membawa kemakmuran dan kesejahteraan?

Tidak dinafikan, pada waktu remaja inilah, waktu getir dan genting bagi nafsu dan jiwa mereka. Pada ketika ini, jiwa mereka bergolak dan perasaan ingin cuba itu membuak-buak. Dengan teknologi tanpa batasan hari ini, semua maklumat terdedah dan tiada sekatan. Apa yang dilihat, pasti ingin dicuba. Lihat kawan hisap ganja, mereka juga hisap. Lihat kawan melakukan seks, mereka juga lakukan seks. Perlakuan ini disebabkan perasaan ingin tahu dan ingin cuba. Walaupun akta dan undang-undang sedia ada boleh menghukum, tetapi disebabkan nafsu sudah menguasai, apa jua perkara sudah tidak dipedulikan.

Lihat, pemuda yang sebegini akhlaknya, sudah tidak waras akan akalinya dalam menilai sesuatu perkara yang baik mahupun buruk. Bagi mereka, nafsu mesti diutamakan.

Sebab itulah, jika pada zaman remaja ini, jika mereka mampu mengawal nafsu, mampu mengekang jiwa bebas mereka, maka mereka terpilih menjadi makhluk yang dikagumi dan dicintai oleh Allah S.W.T. Bukan mudah ingin mengawal nafsu tatkala yang memburu ialah keseronokan dunia tanpa had, keasyikan dunia yang melalaikan. Maka, pendidikan awal anak-anak mampu mengekang dan memberi kesedaran tinggi lantas mengelakkan diri mereka daripada melakukan perkara-perkara mazmumah, keji dan mungkar.

Sirah Rasulullah s.a.w Dan Sahabat

Mari kita lihat sirah Baginda Rasulullah s.a.w memilih seorang sahabat yang sangat muda menjadi panglima perang. Sahabat Rasulullah s.a.w itu ialah Usamah bin Zaid. Lihatlah, bagaimana Rasulullah s.a.w mementingkan pemuda yang benar-benar berkualiti dan mengiktiraf mereka setaraf dengan sahabat yang lebih senior.


Rasulullah s.a.w juga berpesan,

"Ingatlah lima perkara sebelum datang lima perkara, muda sebelum tua, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sempit, sihat sebelum sakit, hidup sebelum mati".

Ada seperkara yang menjadi perhatian iaitu muda sebelum tua. Ketika muda inilah kita kuat, akal fikiran cerdas, masa untuk belajar masih panjang, gunakan masa ini untuk megambil segala kekuatan dan pengetahuan untuk dijadikan bekalan untuk hari mendatang.

Oleh itu, sebagai renungan, kita sewajibnya koreksi diri, melihat bagaimana kita mendidik anak kita, sama ada memanjakannya atau memberi pengetahuan yang serba cukup. Kalau kita masih merasakan hari mendatang mereka akan diteruskan bersama kita sampai akhir hayat, maka itu adalah tidak tepat. Kerana, suatu hari nanti, kita akan meninggalkan mereka. Tanpa ilmu dan pengetahuan yang lengkap, mana mungkin mereka mampu memimpin negara di masa mendatang.

Ada sebuah hadis yang menyuruh kita mendidik anak mengikut zaman mereka. Sebenarnya, mendidik anak mengikut zaman mereka bukan satu kelonggaran kepada kita untuk mengikut semua kemahuan mereka. Mendidik anak muda dan remaja mengikut zaman mereka boleh ditafsirkan begini; jika mereka anak yang cepat melenting apabila ditegur, maka gunakan hikmah yang paling bestari ketika ingin menegur. Sebagai contoh, memberi sesuatu untuk mendapatkan sesuatu. Bawa anak lakukan perkara yang disukainya, pada masa yang sama, menegur dengan hikmah agar dia tidak tersinggung dan melenting. Konseptualnya, remaja perlu dididik dengan hikmah dan cara paling baik ialah mengikut kesesuaian diri mereka. Hikmah rumput; sabit. Hikmah pokok; kapak. Maka hikmah itu tidak sama mengikut diri masing-masing. Hikmah bukan bermakna lembut, tetapi bijaksana mengikut kesesuaian remaja tersebut.



Penutup


Bagi memenuhi ruang masa remaja ini, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memimpin mereka. Waktu mereka kecil, ibu bapa menjadi pendorong, apabila meningkat remaja, ibu bapa menjadi pendidik, penunjuk arah dan juga rakan. Dengan harapan yang tinggi, dorongan yang diberikan mampu untuk membimbing mereka menjadi insan yang cemerlang dunia dan gemilang akhirat.


Gunakan masa yang ada untuk memberi tunjuk ajar, agar para remaja tidak lalai dengan dunia maya mereka. Asyik dengan perhubungan alam maya seperti facebook, twitter dan lain-lain hingga lupakan hubungan realiti, adalah penyakit yang mesti diubati. Punca lalai ini mesti diatasi agar mereka tahu, tanggungjawab di alam ini adalah tanggungjawab setiap manusia, muda atau tua, kaya atau miskin.

Ubahlah paradigma kita, daripada banyak menyalahkan, kita cari penyelesaian. Buat para remaja sekalian, renungilah kata Imam Syafie,

"Aku hairan tentang aliran masa yang berlalu terlalu laju, tetapi aku lebih hairan manusia yang melalaikannya".

Setiap saat yang berlalu pergi, umpama bilah pedang yang akan menusuk hati. Andai diri lalai dan alpa, tunggulah saja dibenam masa. Jangan ditunggu sesuatu yang belum pasti, kerana jika terlepas merana diri. Penuhkan iman dan takwa di dada, kelak pasti balasan syurga. Kasihkan dunia berpada-pada, akhirat jua pembalasan akhirnya. **MUDA HANYA SEKALI, PANDAI-PANDAI MEMBAWA DIRI.**





Oleh : Ustazah Syamilah binti Mohd Ali

DARAH ISTIHADHAH

Seperti yang telah dijanjikan pada keluaran sebelum ini, iaitu sambungan bagi darah haid, maka tajuk kali ini adalah mengenai darah istihadah. Ramai kaum hawa yang mengalami istihadah, terutamanya dalam keadaan tertentu contohnya, selepas bersalin, selepas keguguran, menyusukan anak dan sebagainya. Maka suka kiranya dapat dikongsikan bersama mengenai darah istihadah ini.

Pertama sekali, darah istihadah adalah darah yang keluar bukan waktu haid ataupun nifas dan darah istihadah merangkumi :

- a) Darah yang keluar sebelum umur kemungkinan haid iaitu sembilan tahun mengikut jumhur ulamak.
- b) Darah yang keluar kurang dari tempoh minima haid iaitu sehari semalam mengikut mazhab Syafi'ie.
- c) Darah yang keluar melebihi tempoh maksima haid atau melebihi tempoh kebiasaan haid.
- d) Darah yang melebihi tempoh maksima nifas.
- e) Darah yang keluar dari wanita yang hamil mengikut pandangan jumhur ulamak selain mazhab Syafi'ie.
- f) Darah yang keluar melebihi umur putus haid

Terdapat tiga cara bagi membezakan antara darah haid dan istihadah:

Pertama:

Wanita yang memiliki masa haid yang tetap (tempoh dan putarannya). Maka baginya hukum haid dalam masa yang tetap tersebut dan hukum istihadah bagi waktu selainnya. Contohnya ialah seorang wanita yang lazimnya didatangi haid selama tujuh hari bermula awal setiap bulan. Kemudian (pada satu bulan) dia mengalami pendarahan yang berterusan. Maka pendarahan tujuh hari yang pertama bermula dari awal bulan dikira sebagai haid manakala hari-hari selebihnya dikira sebagai istihadah. 'A'isyah r.a menerangkan bahawa Fathimah binti Abi Hubaisy r.a pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.:

"Sesungguhnya aku didatangi istihadah, maka aku tidak suci. Adakah aku perlu meninggalkan solat?". Rasulullah s.a.w. menjawab: "Tidak, sesungguhnya itu ialah 'irq (penyakit). Tinggalkan solat pada kadar haid yang kebiasaan bagi kamu, kemudian hendaklah kamu mandi dan dirinkan solat."

(H.R al-Bukhorie – no: 325 (Kitab al-Haid)

Hal yang sama pernah berlaku kepada Umm Habibah binti Jahsy r.a dan Rasulullah s.a.w. bersabda kepada beliau:

"Duduklah (dalam keadaan haid) sekadar mana yang pernah kamu alami dari hari-hari haid kamu (yang biasa), kemudian hendaklah kamu mandi dan solat".

(H.R Muslim – no: 334 (Kitab al-Haid)

Kesimpulannya, bagi wanita yang memiliki masa haid yang tetap (tempoh dan putarannya), hendaklah dia mengira masa haidnya mengikut kebiasaan. Jika ada pendarahan pada hari-hari seterusnya, hendaklah dia mandi dan solat mengikut ukuran masa haidnya yang biasa. Tidak perlu diberi perhatian kepada pendarahan pada hari-hari seterusnya kerana itu adalah istihadah.

Kedua:

Wanita yang tidak memiliki masa haid yang tetap atau diketahui (tempoh dan putarannya). Contohnya darah yang keluar secara berterusan sejak awal. Maka baginya dibezakan antara darah haid dan darah istihadah dengan memerhatikan sifat-sifat darah tersebut. Darah yang berwarna hitam (merah kehitaman) dan/atau pekat dan/atau berbau, ia adalah darah haid. Selainnya adalah darah istihadah. Sebagai contoh, seorang wanita yang mengalami pendarahan secara berterusan. Akan tetapi pada hari kesepuluh kelihatan perbezaan sifat darah:

- Sehingga hari kesepuluh darah berwarna hitam (merah kehitaman) manakala selepas itu ia berwarna merah. Maka darah yang berwarna hitam adalah haid, darah yang berwarna merah adalah istihadah.
- Sehingga hari kesepuluh darah bersifat pekat manakala selepas itu menjadi cair. Maka darah yang pekat adalah haid, darah yang cair adalah istihadah.
- Sehingga hari kesepuluh darah memiliki bau manakala selepas itu tiada lagi bau. Maka darah yang berbau adalah haid, darah yang tidak berbau adalah istihadah.

Diriwayatkan dalam sebuah Hadith bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepada Fatimah binti Abi Hubaisy r.a:

"Apabila darah itu adalah haid maka sesungguhnya ia hitam (lagi) dikenali, justeru hendaklah kamu menahan dari melakukan solat. Jika ia adalah (darah) selain itu maka hendaklah kamu berwudhu' dan mendirikan solat kerana sesungguhnya ia adalah (darah) penyakit." (Sunan Abu Daud – no: 247 (Kitab al-Thaharah) dan Sunan al-Nasa'i dengan disahihkan oleh Ibn Hibban dan al-Hakim)

Hadith di atas memiliki perbincangan dari sudut sanad dan matannya, akan tetapi para ilmuan rahimahumullah telah beramal dengannya. Bahkan ia adalah lebih utama daripada membiarkan persoalan ini kepada adat kebiasaan wanita.

Ketiga:

Wanita yang tidak memiliki masa (tempoh dan putaran) haid yang tetap dan tidak juga memiliki sifat-sifat darah yang dapat dibezakan antara haid dan istihadah. Maka baginya masa haid diukur berdasarkan kebiasaan wanita, waktu selebihnya dikira sebagai istihadah. Sebagai contoh, wanita yang menghadapi kes ketiga ini melihat darah keluar secara berterusan bermula pada hari Khamis yang pertama dalam bulan tersebut. Maka hendaklah dia melihat kebiasaan para wanita lain yang menghampirinya (contohnya ibu, kakak dan selainya) dan menjadikan tempoh haid mereka sebagai ukuran ke atas dirinya. Jika pada kebiasaannya mereka didatangi haid selama enam atau tujuh hari, maka demikianlah juga ukuran ke atas dirinya. Oleh itu enam atau tujuh hari yang pertama pendarahan, bermula daripada hari Khamis, dianggap sebagai haid. Hari-hari seterusnya dianggap sebagai istihadah. Hadith berikut menjadi rujukan dalam kes ketiga ini. Himnah binti Jahsy r.a. pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w:

"Ya Rasulullah! Sesungguhnya saya seorang wanita yang didatangi istihadah yang amat banyak, apakah pandangan engkau berkenaannya? Sesungguhnya ia menegah aku daripada mendirikan solat dan puasa." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Aku akan terangkan untuk kamu (cara menggunakan) al-Kursuf (kapas yang diletakkan di faraj), sesungguhnya ia dapat menghilangkan darah." Himnah berkata: "Ia (darah saya) lebih banyak dari demikian itu". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya ia (endarahan kamu) adalah hentakan dari hentakan-hentakan syaitan, maka (apabila) kamu didatangi haid selama enam atau tujuh hari pada ilmu Allah S.W.T. hendaklah kamu mandi apabila kamu lihat bahawa kamu telah suci (dari darah haid), maka hendaklah kamu solat pada pada dua puluh tiga malam atau dua puluh empat malam dan siangnya dan hendaklah kamu berpuasa." (Sunan Abu Daud – no: 248 (Kitab al-Thaharah) dan Sunan al-Tirmizi – no: 118 (Kitab al-Thaharah) dan berkata al-Tirmizi, Hadith ini hasan sahih)

Sabda Rasulullah s.a.w: "Enam atau tujuh hari" bukanlah penetapan tetapi ijtihad. Oleh itu hendaklah setiap wanita yang menghadapi kes ketiga ini berijtihad akan satu tempoh haid yang sesuai baginya. Ijtihad dibuat dengan merujuk kepada tempoh haid yang lazim dihadapi oleh para wanita lain yang menghampiri dirinya, seperti daripada keluarga atau adik beradik yang sama, rakan-rakan yang sebaya umurnya dan lain-lain lagi.

Demikian tiga cara yang paling lazim bagi membezakan antara darah haid dan istihadah. Sebagai penjelasan tambahan, kadang-kala berlaku pendarahan yang disalah anggap sebagai istihadah. Kesalahan ini boleh berlaku dalam dua kes:

Pertama:

Wanita yang mengetahui dengan jelas bahawa dia tidak akan didatangi haid lagi, seperti setelah melakukan pembedahan yang melibatkan pemetongan atau ikatan rahim. Maka baginya, yang mengalir keluar bukanlah istihadah tetapi al-Sufrah (cecair kekuningan) dan al-Kudrah (cecair kekeruhan antara kuning dan hitam) atau basahan. Maka hendaklah dia mendirikan solat dan puasa, serta boleh bersetubuh dengan suaminya. Dia tidak diwajibkan mandi (mandi wajib) kerana darah yang keluar tersebut. Akan tetapi hendaklah dia membasuh faraj serta mengikatnya dengan kain supaya dapat mencegah darah daripada mengalir keluar. Bagi setiap solat fardhu, hendaklah dia berwudhu' sesudah masuk waktu kemudian terus bersolat. Bagi setiap solat sunat, hendaklah dia berwudhu' apabila sahaja hendak mendirikan solat.

Kedua:

Wanita yang tidak tahu secara jelas sama ada dia akan didatangi haid atau tidak. Maka baginya, pendarahan yang berlaku dianggap sebagai haid dan istihadah, dibezakan dengan tiga cara yang telah disebut di atas. Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada Fatimah binti Abi Hubaisy:

"Sesungguhnya yang demikian itu ialah 'irq (penyakit) bukanlah darah haid maka apabila datang haid maka hendaklah kamu meninggalkan solat."

(Shahih al-Bukhari – no: 306 (Kitab al-Haid))

Sabda Rasulullah s.a.w. : "...Maka apabila datang haid..." menjadi petunjuk yang membezakan antara haid dan istihadah. Maka bagi seorang wanita yang mungkin baginya untuk datang haid, maka hendaklah dia membezakan antara haid dan istihadah sepertimana tiga cara yang disebut di atas. Bagi wanita yang tidak mungkin didatangi haid maka yang wujud hanyalah 'irq (penyakit) dalam apa jua keadaan sekalipun.

HUKUM-HUKUM ISTIHADAH

Apabila seorang wanita telah memastikan bahawa dia sedang mengalami pendarahan istihadah dan bukan haid, maka hukum-hukum yang diwajibkan ke atasnya adalah sama sepertimana wanita yang suci kecuali dalam tiga perkara berikut:

Pertama:

Wanita yang beristihadah wajib berwudhu' setiap kali hendak solat. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. kepada Fathimah binti Abi Hubaisy r.a.: "Kemudian hendaklah kamu berwudhu' pada setiap solat."

(Shahih al-Bukhari – no: 228)

Hadith ini memberi makna bahawa dia tidak berwudhu' untuk solat yang berwaktu kecuali selepas masuk waktunya. Adapun bagi solat yang tidak berwaktu (solat sunat) maka dia berwudhu' ketika hendak melaksanakannya.

Kedua:

Apabila wanita yang beristihadah hendak berwudhu', hendaklah dia membasuh kesan darah dan mengikat farajnya dengan cebisan kain yang dilapik dengan kapas supaya dapat menahan darah. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. kepada Himnah r.a.:

"Aku akan terangkan untuk kamu (cara menggunakan) al-Kursuf (kapas yang diletakkan di faraj), sesungguhnya ia dapat menghilangkan darah." Himnah berkata: "Ia (darah saya) lebih banyak dari demikian itu". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Maka hendaklah kamu mengekangnya (mengikatnya)...."

(Sunan al-Tirmizi – no: 118 (Kitab al-Thaharah) dan beliau berkata: Hadith ini hasan sahih)

Apa yang keluar (apa-apa pendarahan) selepas itu tidaklah memudaratkan (tidak membatalkan wudhu') berdasarkan hadith berikut riwayat Ahmad dan Ibn Majah:

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku seorang wanita yang mengalami istihadah sehingga aku tidak suci, apakah aku patut meninggalkan solat? Tidak, hendaklah kamu jauhi solat pada hari-hari haidmu (sahaja) kemudian hendaklah kamu mandi dan berwudhu' untuk setiap solat kemudian dirikanlah solat walaupun darah menitis jatuh ke atas tikar."

(Musnad Ahmad – no: 25681 dan disahihkan oleh Syu'aib al-Arnauth)

Ketiga:

Bersetubuh, maka para ilmuan berselisih pendapat mengenai kebolehnya. Pendapat yang sahih adalah ianya harus (dibolehkan) tanpa sekatan berdasarkan sebab-sebab berikut:

1. Merupakan satu kelaziman bagi para wanita pada zaman Rasulullah s.a.w. mengalami istihadah. Akan tetapi Allah S.W.T. dan Rasul-Nya tidak pernah menegah para suami daripada menyetubuhi isteri mereka.
2. Allah S.A.W. berfirman:
Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu. (al-Baqarah :222) Ayat ini menjadi dalil bahawa larangan bersetubuh hanyalah ke atas isteri yang sedang haid, tidak selain itu.
3. Jika diharuskan solat bagi wanita yang beristihadah, maka sudah tentu diharuskan juga bersetubuh kerana bersetubuh adalah sesuatu yang lebih kecil berbanding solat.

Pendapat yang melarang bersetubuh mengqiyaskan wanita yang beristihadah dengan wanita yang haid. Ini adalah qiyas yang tidak benar kerana wanita istihadah dan wanita haid adalah dua kes yang saling berlainan.

Oleh: Syaikh Muhammad al-Shalih al-'Utsaimin (blog al-Firdaus.com)

AMALAN YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH WANITA KETIKA SEDANG HAID

1. Zikir
2. Mengucapkan lafaz tasbih iaitu berkata: **سُبْحَانَ اللَّهِ**
Bermaksud: "Maha Suci Allah."
3. Mengucapkan lafaz tahmid iaitu berkata: **الْحَمْدُ لِلَّهِ**
Bermaksud: "Segala puji bagi Allah."
4. Mengucapkan lafaz takbir iaitu berkata: **اللَّهُ أَكْبَرُ**
Bermaksud: "Allah Maha Besar."
5. Mengucapkan lafaz tahlil iaitu berkata: **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**
Bermaksud: "Tiada Tuhan selain Allah."
6. Membaca Basmalah iaitu lafaz: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**
Bermaksud: "Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang."
7. Membaca buku agama walaupun buku itu ada ayat-ayat Al-Quran.
8. Membaca hadis Nabi s.a.w.: Hadis Nabi s.a.w. bukanlah Quran. Ia adalah perkataan ataupun perbuatan Nabi s.a.w. Tarafnya tidak sama dengan Quran. Oleh itu, memegang kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim dan membacanya sebagai contoh, tidaklah haram.
9. Mendengar bacaan Al-Quran daripada radio, kaset dan sebagainya.
10. Berdoa walaupun doa itu daripada Quran.
11. Menghadiri majlis ilmu agama dan sebagainya (melainkan di dalam masjid).
12. Bagi orang yang sedang mengerjakan haji dan umrah, wanita sedang uzur syarie boleh melakukan semua tuntutan haji dan umrah kecuali tawaf sahaja. Ini kerana tawaf adalah seperti solat. Ia memerlukan wuduk dan sebagainya. Dia boleh wukuf di Padang Arafah, boleh bermalam di Mina, dan bermalam di Muzdalifah, boleh melontar Jamrah, boleh bertakbir dan bertalbiyyah.

Di Sebalik DAKWAHRASULULLAH: MENDIDIK ATAU MENGHUKUM

Oleh: Ustaz Muhammad Ridhwan bin Mohd Danian

Sejak kebelakangan ini, dapat kita lihat media elektronik yang dikatakan mampu membuatkan kita hidup tanpa sempadan telah menjadi medium utama kepada setiap orang yang beragama Islam untuk menyampaikan dakwah. Selari dengan apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "sampaikanlah kepadaku walau sepotong ayat". Perisian komputer dan khidmat jalur lebar yang mudah didapati sekarang membolehkan kita berdakwah dengan menggunakan setiap 'software' yang dilengkapi dengan pelbagai maklumat dan sumber.

Facebook, twitter, blog dan sebagainya adalah salah satu daripada medium yang sering dikatakan sebagai platform untuk menyampaikan dakwah masa kini. Seheinggakan dengan mudah bagi setiap pengguna yang agak rajin mengemaskini laman-laman sosial mereka dengan meletakkan nasihat-nasihat berguna dan dalil-dalil sebagai peringatan. Ini secara tidak langsung membawa kepada apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. Apa yang merisaukan penulis adalah dengan keghairahan individu yang terlalu ingin menyampaikan dakwah seheinggakan wujudnya istilah 'ustaz copy paste'.

Banyak dalil yang digunakan secara membuta tuli tanpa memeriksa daripada mana asalnya dalil tersebut, ada yang menjadikan Hadis Dhaif sebagai hujah dan tidak terkecuali juga mereka yang menggunakan Hadis Maudhu'. Tidak salahlah apa yang pernah disabdakan oleh Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud: "Siapa yang berdusta ke atas namaku maka semua amalannya akan tertolak dan bersedialah tempatnya di neraka". Nah, jelaslah di sini bahawa apa yang telah Rasulullah s.a.w. sabdakan ini telah berlaku pada hari ini.

Apabila disebut tentang hikmah, semua yakin bahawa mereka telah menjalankan dakwah mereka dengan penuh hikmah. Tetapi adakah mereka semua ini tahu apa yang dikatakan sebagai hikmah? Hikmah merujuk kamus dewan bahasa dan pustaka; mempunyai hikmah (kebijaksanaan dsb); pendekatan yang dan berhati-hati perlu diambil dalam usaha menyeragamkan undang-undang syariah itu; generasi muda yg sering diperkatakan sbg golongan yang bermasalah harus ditangani dengan cara yang dan penuh rahmat serta kasih sayang.

Jika kita lihat, dakwah telah diberikan kepada kita sejak dari lahir lagi. Dakwah yang di ajarkan benar-benar secara hikmah. Apa yang dikatakan dakwah secara hikmah sejak kita lahir? Pada awal kelahiran kita, bapa akan menanamkan tauhid terhadap diri kita dengan mengazankan serta iqamah ke telinga.

Wujudnya kalimah 'tiada tuhan selain Allah dan nabi Muhammad s.a.w pesuruh Allah'. Dengan jelas dapat kita lihat, perkara pertama yang diletakkan dalam diri kita adalah tauhid untuk memperkuatkan akidah bukannya mengajar hukum fiqh. Hal ini juga telah kita lihat sejak dari awal penyebaran Islam di dunia ini, Islam tidak datang dengan menghukum sesuatu kaum tetapi mengajar asas terhadap memahami hukum Islam itu sendiri iaitu dengan mengimani Allah, para Rasul, Malaikat, al-Quran, Hari Akhirat serta Qada' dan Qadar. Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahasalah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya tuhanmu dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk".

(Surah al-Nahl : 125)

Dakwah Rasulullah s.a.w bermula dengan tersembunyi dan seterusnya baru bermula secara terbuka. Ini juga dikatakan dakwah secara hikmah, hikmah yang ada di sini adalah menunjukkan bahawa Islam bukannya agama yang mengganggu gugat agama tradisi nenek moyang kaum musyrikin tetapi memperbaiki apa yang salah. Dakwah Rasulullah juga tidak terus meletakkan hukum salah terhadap cara sembahkan kaum musyrikin tetapi Rasulullah membetulkan kepada siapa sepatutnya disembah. Walaupun begitu dakwah Rasulullah tidak juga disampaikan dengan keras, seperti firman Allah yang bermaksud. "tiada paksaan di dalam beragama".

(Surah al-Baqarah : 256)

"Sesungguhnya kerja-kerja dakwah dijalankan semata-mata untuk menuju ke pangkuan Ilahi, bukan untuk kepentingan diri dan puak! Dan seorang da'i tidak lain tidak bukan hanyalah menjalankan amanah Allah S.W.T."

(Syed Qutub)



Inilah perkara yang paling penting sekali di dalam kita menyampaikan dakwah. Kepentingan diri politik dan apa sahaja yang bukan untuk Allah hendaklah diketepikan. Konsep dakwah cukup mudah, sehinggakan sabda baginda ada menyebut:

"Siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya (taghyir) dengan tangan, jika tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, jika tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hati, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."
(H.R.Muslim)

Tetapi sayangnya, pada akhir zaman ini, lebih ramai yang memilih untuk mengambil pendekatan yang ketiga iaitu dengan hanya menggunakan hati sebagai dakwah. Mari kita lihat bersama-sama apakah yang dikatakan sebagai dakwah secara hikmah, di sini penulis ingin berkongsi dengan sidang pembaca serba sedikit keperluan asas di dalam kita menyampaikan dakwah. Method dakwah hendaklah dilihat daripada tiga bahagian iaitu hikmah yang berhubung dengan sifat pendakwah seperti kenabian (sifat khas yang hanya ada pada nabi dan rasul), adil, meletakkan sesuatu pada tempatnya, tahan marah (sabar) dan tidak memeperlihatkan kejahilan iaitu ilmu pengetahuan yang luas. Kedua, hikmah berhubung isi dakwah seperti al-Quran, setiap perkataan bertepatan dengan kebenaran dan dalil-dalil yang tepat yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan. Ketiga, strategi dakwah seperti sesuatu yang dapat menegah dari kerosakkan dan sesuatu yang dikaitkan berul-betul pada tempatnya. Berdasarkan tiga asas kepada method dakwah ini, dapat kita lihat bahawa setiap dakwah akan berjalan dengan lancar walaupun wujudnya kekangan pada setiap dakwah itu.

Seterusnya strategi dakwah yang perlu kita ada bagi menyampaikan dakwah secara berkesan, al-Mau'izah Hasanah (nasihat yang baik) ini adalah aspek utama yang perlu ada di dalam kita menyampaikan dakwah. Nasihat yang menghindar manusia dari keburukan dengan cara menimbulkan kegemaran dan perangsang untuk meninggalkan dan menanam rasa tidak mahu melakukannya. Cara ini, dapat melembutkan hati manusia. Firman Allah S.W.T yang bermaksud :

"Dan hendaklah ada di kalangan kamu suatu ummah (kumpulan) yang menyeru kepada kebaikan. Dan memerintahkan kepada ma'aruf serta mencegah dari kemungkaran. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung".
(Surah Ali-Imran :104)

Pada pendapat penulis, ini adalah strategi yang sering terlepas pandang oleh para da'i. Ramai da'i yang mengatakan tidak boleh melakukan perkara A dan B, sudah pasti ramai yang tertanya-tanya, jika tidak boleh A dan B, apa yang boleh? Setiap permasalahan sudah pasti ada penyelesaiannya, tidak terkecuali juga dalam isu-isu semasa, hiburan contohnya, bukan semua hiburan tidak boleh dilakukan, ada hiburan yang di bolehkan tetapi bertepatan dengan garis panduan yang telah diberi oleh Islam.

Kedua, nasihat yang dirasai oleh para pendengar bahawa nasihat itu untuk kebaikan mereka. Sesetengah ahli tafsir berkata nasihat yang disampaikan secara lemah lembut, meresap di dalam hati yang halus dan mendalam, menusuk ke dalam jiwa yang lembut, menimbulkan kesedaran dalam diri manusia dan dengan penuh kasih sayang. Lima aspek utama di dalam menyampaikan nasihat ini merupakan cara yang paling berkesan di dalam kita menasihati individu yang lain. Firman Allah S.W.T :

"Katakanlah : inilah jalanku yang lurus, aku bersama pengikut ku menyeru ke jalan Allah dengan keterangan yang nyata".
(Surah al-Yusuf :108)

Dan yang terakhir bagi kita sebagai da'i adalah dengan mengadakan musyawarah atau perbincangan. Inilah hikmah di dalam berdakwah, sentiasa wujudnya perbincangan bagi mengelakkan perbalahan. Perbincangan yang diadakan adalah dengan menimbulkan kesedaran tanpa dirasai menyerang akidah atau sensitiviti. Dalam perbincangan hendaklah diusaha supaya individu yang terlibat dengan perbincangan merasai sama-sama bertanggungjawab menuju kepada kebenaran. Begitu juga hendaklah menghormati pendapat dan peribadi individu yang lain. Sifat sombong dan terlalu menjaga imej diri hendaklah dihindarkan semasa perbincangan. Begitu juga hendaklah diusahakan supaya individu tidak merasai diri mereka tertekan.

Kesimpulannya, tugas sebagai seorang da'i bukanlah semudah 'copy and paste' daripada ilmu individu lain dan digunakan secara membuta tuli tanpa mengetahui kaedah sebenar dalam metod berdakwah. Pentingnya hikmah di dalam menyampaikan dakwah bagi memberi impak yang paling maksima di dalam memperolehi keputusan yang baik dalam berdakwah. Bagi da'i yang telah merasakan ilmu yang ada di dada mereka terlalu hebat, bukan semudah itu juga mereka boleh mengatakan orang lain sesat dan salah. Malah ada juga yang telah meletakkan sifat sombong dalam diri sehinggalah boleh mengkafirkan orang lain. Di sinilah perlunya diskusi yang kita bincangkan tadi, bukannya untuk menentukan siapa betul atau salah. Tetapi sebagai jalan pencerahan daripada fitnah masyarakat sekeliling.

Sebagai penutup, penulis berpešan pada diri sendiri bahawa tanggungjawab berdakwah ini bukan terletak kepada mereka yang bergelar ustaz dan ustazah sahaja, malah kepada semua yang bergelar muslim.

"Dan berapa banyak dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (ugama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar". (Surah Ali-Imran : 146)

FirmanNya lagi yang bermaksud.

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu pembantu-pembantu agama Allah, sepertimana yang diucapkan oleh Isa putera Maryam kepad pengikut-pengikutnya yang setia, siapakah pembantu-pembantu ku pada jalan Allah ?. Lalu berkatalah pengikut-pengikutnya yang setia : Kamilah pembantu agama Allah" (Surah al-Saff : 14)

Semoga dengan sedikit perkongsian ini dapat membantu asatizah khasnya dan individu amnya di dalam kita menyampaikan dakwah. Sekiranya semua ini telah kita fahami, maka tidak kiralah walau dengan apa sekalipun medium dakwah kita, facebook, blog atau apa sahaja ianya akan berjalan dengan lancar tanpa menimbulkan sebarang perbalahan yang serius.

blog. <http://palcikli00.wordpress.com/>

Dakwah Rasulullah saw



Marhalah dakwah Rasulullah

Perjuangan dakwah Rasulullah yang boleh diringkaskan sebagai berikut:

Pertama: Marhalah Tasqif - tahap pembinaan dan pengkaderan untuk melahirkan individu-individu yang menyakini pemikiran (fikrah) dan metod (thariqah) parti politik guna membentuk kerangka gerakan.

Kedua: Marhalah Tafa'ul ma'al Ummah - tahap berinteraksi dengan umat agar umat turut sama memikul kewajiban dakwah Islam, sehingga umat akan menjadikan Islam sebagai masalah utama dalam hidupnya serta berusaha untuk menerapkannya dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Ketiga: Marhalah Istilamil Hukmi - tahap pengambilalihan kekuasaan, dan penerapan Islam secara utuh serta menyeluruh, lalu mengembangkannya sebagai risalah Islam ke seluruh penjuru dunia.

STRESS??

ATASINYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Ustaz Hafizzuddin bin Mior Ahmad Zanidi

'Stress atau tension', adalah perkataan Inggeris yang telah digunapakai masyarakat melayu kini dalam suatu keadaan atau situasi yang tegang, seperti katanya; 'stress la aku!' memberi maksud yang satu iaitu tekanan atau gangguan jiwa, emosi, perasaan, pemikiran dan fizikal seseorang disebabkan faktor-faktor tertentu. Ianya adalah penyakit dalaman yang banyak dihadapi manusia masa kini dan memang tidak dinafikan lagi kita hidup sebagai manusia biasa tidak mungkin terlepas daripada pelbagai permasalahan.

Persoalannya, sejauh mana kita dapat tangani tekanan itu? Adakah kita mampu mengawalinya dengan baik atau sebaliknya gagal. Kalau kita gagal atasinya dengan menggunakan akal fikiran yang waras boleh menyebabkan kesan negatif berlaku terhadap kesihatan fizikal seperti tekanan darah tinggi, jantung dan sakit kepala. Selain itu, ia juga boleh memberi kesan negatif kepada tingkah laku kita seperti hidup tidak tenteram, diselubungi pelbagai masalah dan bertindak agresif dengan mencederakan diri sendiri dan lebih teruk lagi sampai membunuh diri sendiri. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ يَتَرَدَّى فِيهَا خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ تَحَسَّى سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدِهِ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَجَأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا

Maksudnya: "Sesiapa yang terjun dari bukit membunuh dirinya, dia akan terjun ke dalam neraka jahannam kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesiapa yang meminum racun membunuh diri, racun itu akan berada di dalam genggamannya, dia akan menghirup racun itu di dalam neraka jahannam kekal di dalamnya selama-lamanya. Siapa yang membunuh dirinya dengan besi, maka besi itu akan berada dalam genggamannya, dia akan menikamkannya di perutnya di dalam neraka jahannam, kekal di dalamnya selama-lamanya." [HR: Bukhari dan Muslim]

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kita fahami maksud hadis di atas bahawa perbuatan membunuh diri termasuk dalam kesalahan dosa-dosa besar dan ayat yang menyatakan "kekal di dalamnya selama-lamanya di neraka jahanam" bermaksud, para ulama menyatakan memanjangkan tempoh azab ke atasnya di dalam neraka bukan kekal di dalam neraka, kerana mereka masih lagi beragama Islam; sebaliknya pula bagi orang yang menghalalkan perbuatan tersebut (membunuh diri), jika dia menghalalkannya dia kekal di dalam neraka selama-lamanya dan dihukumkannya sebagai murtad.

Islam = solution
let ISLAM melting down your PROBLEM !

stress

Sebagai manusia, kita perlu memahami unsur-unsur utama yang boleh membawa tekanan dalam kehidupan kita dengan mengambil tindakan untuk mencegahnya. Kita lihat tekanan ini sebenarnya disebabkan oleh kejadian utama kehidupan manusia seperti kesakitan, kematian orang yang kita sayangi, sesuatu perubahan dalam tanggungjawab atau dugaan di tempat kerja, kenaikan pangkat, kerugian, masalah kewangan atau perubahan yang tiba-tiba atau yang tidak dijangka. Sebagai respons kepada tekanan harian, badan kita secara automatik menambahkan tekanan darah, denyutan jantung, pernafasan, metabolisme dan aliran darah ke otot kita. Respons ini bertujuan untuk membantu badan kita bereaksi secara pantas dan berkesan terhadap sesuatu keadaan yang tegang.

Tekanan juga sering berlaku di tempat kerja. Pelbagai tekanan yang dihadapi menyebabkan hati menjadi runting dan semua kerja tidak akan terlaksana. Tidak mustahil bagi individu yang berhadapan dengan masalah ini akan terbawa-bawa ke rumah hingga anak-anak pula menjadi mangsa. Namun, hati akan menjadi tenang sekiranya kita kembali kepada Allah S.W.T.

Maka atas sebab itulah, kita mesti terima dengan hati yang redha di atas dugaan yang diberikanNya kepada hamba-hambanya. Dan itulah juga tanda yang Dia sangat menyayangi hamba-hambanya dengan memberikan ujian kepada mereka. Apa jua dugaan yang diberikan sama ada kecil ataupun besar kita harus tempuhnya dengan tabah mengikut garis panduan iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah untuk menghadapi situasi sebegini. InsyaAllah kita akan dapat ganjaran yang besar di atas kesabaran yang kita hadapi ini. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud :

"Hai orang beriman, mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat. Sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar."

[al-Baqarah :153]

Menurut perspektif Islam, stress disebabkan oleh lemahnya hati, kerana rapuhnya hubungan manusia dengan Allah S.W.T.. Hati seorang mukmin akan kuat sekiranya dididik dengan unsur Rabbaniyyah (ketuhanan) dan Rohaniah (spiritual) disamping kelembutan (lathifah) dan ihsan. Di sini terdapat 10 tip yang boleh dikongsikan dan diamalkan bersama bertujuan bagi mengurangkan tekanan.

1) Biasakan diri berada dalam keadaan berwuduk

Jiwa kita akan menjadi tenang jika membiasakan diri mengambil wuduk sebelum melakukan pekerjaan. Kerja yang susah akan menjadi senang dan mudah diselesaikan. Para pelajar misalnya, disarankan agar membiasakan diri mengambil wuduk sebelum mengulang kaji pelajaran agar apa yang dibaca akan mudah diingat.

2) Perbanyakkan membaca Al-Quran

Ganjaran yang besar akan diberikan Allah S.W.T. bagi sesiapa yang membaca Al-Quran walaupun satu ayat. Waktu yang sesuai bagi kita untuk membaca Al-Quran ialah selepas solat lima waktu dan waktu-waktu lain seperti ketika berehat dan sebelum tidur. Oleh itu, jadikanlah Al-Quran sebagai teman paling akrab pada sepanjang waktu.

3) Banyakkan Solat Sunat

Sebagai makhluk paling mulia di sisi Allah S.W.T., kita disuruh memanyakkan amal ibadat kita sehari-hari. Antaranya, dengan mendirikan solat sunat. Solat sunat hajat, solat sunat taubat, solat sunat tasbih adalah antara pelbagai solat sunat yang terdapat dalam Islam. Kita bangun pada sepertiga malam dan mendirikan solat-solat sunat tersebut agar beroleh ketenangan dan kekuatan daripada Allah.

4) Selalu berdoa kepada Allah

Allah S.W.T. telah berpesan iaitu jangan menyembah selain daripada-Nya. Ini bererti kita disuruh berdoa hanya kepada Allah S.W.T. dan dilakukan secara berterusan. Waktu-waktu mustajab berdoa adalah pada malam Jumaat, tengah malam, pagi sebelum waktu Subuh, malam hari raya, ketika waktu azan dan iqamah. Insha-Allah, Allah S.W.T. akan memakbulkan doa setiap hamba-Nya yang benar-benar ikhlas. Namun, kita perlulah sedar bahawa sebarang rezeki tidak akan datang bergolek sekiranya tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Maka kita perlulah berusaha supaya mencapai sesuatu di samping berdoa hanya kepada Allah S.W.T.

5) Bersangka baik dengan Allah

Kita sebagai manusia biasanya tidak akan terlepas daripada berhadapan dengan ujian dalam hidup. Semuanya itu adalah ujian daripada Allah bertujuan menguji keimanan kita sebagai hamba-Nya. Oleh itu, kita mestilah bersangka baik dengan Allah S.W.T. dan janganlah menyalahkan-Nya jika terjadi sesuatu ke atas diri kita. Kita juga mesti percaya bahawa tentu ada hikmah di sebalik kejadian itu.

6) Lakukan kegiatan luar seperti bersukan

Orang ramai selalu berkata bahawa badan yang cerdas akan membentuk otak yang cergas. Segala tekanan sewaktu bekerja akan dilupakan apabila kita melakukan aktiviti-aktiviti luar yang dapat menyihatkan tubuh badan seperti bersukan. Situasi akan menjadi lebih mengembirakan jika kita meluangkan masa membawa keluarga pergi beriadah. Ikatan kekeluargaan juga akan bertambah erat dan kukuh.

7) Amal diet dengan disiplin yang kuat

Pengambilan makanan yang berlebihan dan tidak seimbang juga merupakan salah satu faktor tekanan sewaktu bekerja. Oleh

itu, cara untuk mengurangkan tekanan adalah mengamalkan diet dengan disiplin yang kuat. Diet yang tidak terkawal akan menyebabkan kegemukan dan menimbulkan penyakit kronik yang lain seperti lemah jantung, darah tinggi, kencing manis.

8) Menangis dengan sepuas hati

Tekanan yang dihadapi sekiranya melibatkan individu yang lain dapat diredakan melalui luahan hati kita dengan menuliskan rasa ketidakpuasan hati kita itu dalam sehelai kertas. Sikap cuba menyimpan perasaan tersebut dalam hati boleh menyebabkan diri merana. "Luaran lain hati lain" ada sesetengah individu apabila mereka mengalami sesuatu tekanan, mereka seolah-olah tidak menunjukkan permasalahan mereka itu. Sebagai contoh, mereka akan sentiasa gembira bila dilihat bersama rakan-rakan tetapi dalam hatinya hanya Allah yang Maha Mengetahui. Maka dengan itulah, menangis dilihat sebagai salah satu cara kita dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi di tempat kerja.

9) Hargai kebolehan diri sendiri

Kita perlu mempunyai satu sikap yang dipanggil yakin diri. Apabila kita mempunyai keyakinan diri, maka kita tidak akan mempunyai masalah untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang disuruh oleh pihak lain sewaktu bekerja. Kita yakin bahawa kita boleh melakukan kerja yang disuruh dengan mudah dan tiada sebarang masalah yang dihadapi. Apa yang penting ialah, kita mesti menghargai kebolehan diri sendiri dan memulakan hidup dengan lebih ceria.

10) Cintai diri sendiri

"Cintailah diri kamu sendiri sebelum kamu mencintai diri orang lain". Jelas daripada maksud perkataan ini, kita dapat memahami bahawa kita perlu mencintai diri sendiri terlebih dahulu berbanding orang lain. Diri kita yang selama ini masih pada tahap lama dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan dengan cara yang dinyatakan di atas. Kita

perlu memulakan kehidupan kita dengan ceria dan penuh dengan senyuman.

Sebagai kesimpulannya, tekanan kerja bukanlah satu bebanan yang sukar untuk diatasi. Dengan usaha yang gigih dan kesabaran yang tinggi serta jalan penyelesaian yang jitu, bebanan yang kita alami pastinya akan dapat diselesaikan dengan jayanya. Atas sebab itu, Islam memberikan panduan yang sebaiknya dan bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia dalam usaha mengelakkan dan menghadapi tekanan. Dalam keadaan tertekan dan keresahan menghadapi ujian Allah, kita perlu lebih banyak mengingati-Nya. Allah berfirman yang bermaksud:

"(Iaitu) orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah S.W.T. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allahlah hati menjadi tenteram."

[al-Ra'd: 2]

Ini disusuli semula dengan sentiasa memohon keampunan Allah dan bertaubat daripada kesalahan. Selain itu, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah yang kita hadapi. Allah berfirman yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tiada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tiada pelindung bagi mereka selain Dia."

[al-Ra'd: 11]



UTeM

اوربہ سیتی نیٹک
www.saukura.com
MALAYSIA M

“Ingatlah, hanya dengan
mengingat Allah-lah hati
menjadi tenteram.”
[ar-Ra'd: 28]

SUARA WANITA, AURATKAH?

Tajuk : Ustazah Syamilah Binti Mohd Ali



Kali ini ingin sekali rasanya untuk berkongsi mengenai suara wanita menurut pandangan Islam. Masih ramai yang keliru dalam menentukan hukum suara wanita adakah ianya aurat ataupun tidak. Jika diperhatikan di kaca televisyen dapat dilihat penyanyi nashid wanita dan terdapat juga ustazah yang menyampaikan dakwahnya, dan dalam masa yang sama ada yang tertanya-tanya dan membuat kesimpulan sendiri, suara wanita ni bukan aurat kut, tapi ada sesetengah pihak tidak membenarkan qari al-Quran terdiri daripada wanita (qariah). Ah, mula garu kepala menandakan tidak faham!

InsyAllah akan diberikan penjelasan mengenainya. Pada dasarnya suara wanita bukanlah aurat. Sebagai bukti banyak perawi hadith mendapatkan hadith daripada isteri Rasulullah s.a.w. seperti Aishah r.a. malah para sahabat juga banyak bertanya kepada isteri-isteri Baginda s.a.w. mengenai soal agama. Antara contoh yang boleh dikongsi adalah hadith:

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. berkata : wahai seluruh kaum wanita, bersedekah dan banyakkkan istighfar, sesungguhnya aku melihat wanita adalah majoriti ahli neraka. Maka berkatalah seorang wanita : Mengapa kami menjadi majoriti ahli neraka ya Rasulullah? : rasulullah menjawab : wanita banyak yang melaknati dan mencela orang lain serta mengingkari kebaikan suaminya."

(H.R Muslim)

Hadith ini secara jelasnya menunjukkan bahawa suara wanita dalam keadaan biasa bukanlah aurat. Pertanyaan secara langsung wanita itu membuktikannya. Selain hadith ini, banyak lagi hadith-hadith lain yang membuktikan suara wanita bukan aurat. Hasilnya, pandangan terkuat dalam mazhab Hanafi, yang muktamad dalam Maliki, Syafie dan Hanbali menganggap suara wanita bukanlah aurat.

BERTUKAR MENJADI AURAT

Hukum asal suara bagi wanita telah kita bincangkan sebelum ini, namun ianya akan bertukar menjadi aurat apabila wanita-wanita ini melunakkan suara, atau bercakap dengan lagak manja-manja contohnya, "awwak nak makkannn aaappaaa?" bila dah jadi macam tu, hukumnya telah bertukar menjadi haram jika terdapat lelaki ajnabi (bukan muhrim) pada ketika itu. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah S.W.T yang bermaksud:

"Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu tidak seperti perempuan-perempuan yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk (melemah-lembutkan suara) dalam berbicara sehingga bangkit nafsu orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan ucapkanlah perkataan yang baik.

(Surah Al-Ahzab: 32)

Para ulama tafsir menyebut, suara wanita yang dilagukan adalah termasuk dari kecantikan-kecantikan (yang tidak harus dipertonton dan dipeerdengarkan kepada lelaki bukan mahram) tiada khilaf dalam hal ini

(Adwa al-Bayan, 5/10 : At-Tashil Li Ulum At-Tanzil, 3/137 ;)

Imam As-Suddi berkata : Larang ini bermaksud larangan kepada kaum wanita menipiskan suaranya (lembut, lunak dan manja) apabila bercakap di hadapan khalayak lelaki. Imam Qurtubi pula mengatakan, kerana suara yang sebegini akan menjadikan orang-orang lelaki munafiq dan ahli maksiat berfikir jahat

(Tafsir Ibn Kathir, 3/483 ; Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran, 14/177)

Berdasarkan dalil ayat ini, apa yang boleh saya fahami adalah nashid wanita juga tergolong dalam bab yang diharamkan oleh Islam apabila ia diperdengarkan kepada lelaki yang bukan mahram. Adapun jika ia dinyanyikan oleh kanak-kanak wanita yang belum baligh atau ia dinyanyikan khas untuk para wanita. Ia adalah harus.

SUARA WANITA DALAM IBADAH

1. Menegur kesalahan di dalam solat.
Sekiranya jemaah wanita ingin menegur imam lelaki yang tersilap semasa solat jemaah, Nabi s.a.w. hanya membenarkan para wanita mengingatkan imam dengan menggunakan tepukan sahaja. Sabda Nabi Muhammad s.a.w : "Ditegaskan bahawa suara wanita yang dilagukan adalah aurat, kerana itu Nabi s.a.w bersabda : Sesungguhnya tasbeih untuk lelaki , dan tepukan khas untuk wanita, maka tiada harus didengari 'tasbeih' wanita oleh si lelaki"

(Syarh Fath Al-Qadir, 1/206)

2. Azan: Imam al-Jassas ketika mentafsirkan ayat dari surah al-Ahzab tadi menyebut bahawa ayat ini memberi hukum bahawa wanita dilarang dari melaungkan azan terutamanya jika kemerdekaan suaranya dijangka mampu mengelodak hati sang lelaki

UNIVERSITI TEKNIKAL MA (Ahkam al-Quran, 5/229 dengan pindaan ringkas)

3. Semasa mengimammi solat kepada jemaah wanita bagi solat bacaan jahar (baca kuat). Menjadi imam kepada wanita lain adalah harus, tetapi suaranya tidak dibenarkan untuk mengeraskannya jika terdapat lelaki bukan mahramnya.

(al-Mughni, Ibn Quddamah)

4. Mentalbiah Haji
Ijma' 'ulama' bahawa wanita tidak mengangkat suaranya kecuali hanya setakat didengari olehnya sahaja, demikian pendapat Ato', Imam Malik, Syafi'e, Hanafi.

(al-Um, 2/156:al-Mughni, Ibn Quddamah, 5/16)

KESIMPULANNYA


Hukum suara wanita dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu :

1) Suara biasa wanita yang didengari secara jahar kepada lelaki awam :

la diperbezakan hukumnya di kalangan ulama. Ada yang mengharamkannya secara total, ada yang mengharuskan secara total. Ada pula yang mengharuskannya apabila dijangka tidak membawa fitnah kepada lelaki. (Al-Jami' Li Ahkami Quran, 14/227 ; Ibn Qayyim, al-Hasyiah, 6/156 ; 'Iinah at-Tolibin, Ad-Dimyati ; 3/260 ; Al-furu', Ibn Al-Mufleh, 1/372)

2) Yang dilembutkan dengan sengaja, dimanjakan dan dimerdukan.

lanya adalah diharamkan untuk diperdengarkan kepada khalayak lelaki secara Ijma'. (An-Nihayah, Ibn Athir, 42/2 ; Lisan al-Arab, Ibn Manzur , 73/8 ; Tafsir At-Tabari ; 3/22 ;Hasyiah At-Tohawi ; 1/161).



**" MAKA JANGANLAH KAMU WAHAI WANITA,
MERENDAHKAN (MELEMBUTKAN) SUARAMU MAKA
DIBIMBANGI ORANG YANG BERPENYAKIT DIHATINYA
BERINGINAN JAHAT KEPADAMU, MAKA BERCAKAPLAH
HANYA DENGAN KATA-KATA YANG BAIK
(KANDUNGAN DAN TATACARANYA)**

(AL-AHZAB: 32)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

JARAK WAKTU ANTARA DUA SANGKAKALA

Hadis riwayat Abu Hurairah r.a., ia berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jarak waktu antara dua tiupan sangkakala itu adalah empat puluh. Mereka bertanya: Wahai Abu Hurairah, apakah empat puluh hari? Ia menjawab: Aku tidak dapat menyebutkan. Mereka bertanya lagi: Empat puluh bulan? Ia menjawab: Aku tidak dapat menyebutkan. Mereka bertanya lagi: Empat puluh tahun? Ia menjawab: Aku tidak dapat menyebutkan. Kemudian Rasulullah saw. bersabda lagi: Lalu Allah menurunkan hujan, sehingga mayat-mayat tumbuh (bangkit) seperti tumbuhnya tanaman sayuran. Tidak ada satu bagian tubuh manusia kecuali semua telah hancur selain satu tulang, yaitu tulang ekornya dan dari tulang itulah jasad manusia akan disusun kembali pada hari kiamat." (H.R. Muslim)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



TURUNNYA FITNAH BAGAIKAN TURUNNYA AIR HUJAN

Hadis riwayat Usamah r.a., "Bahawa Nabi s.a.w. menaiki salah satu bangunan tinggi di Madinah, kemudian beliau bersabda: Apakah kalian melihat apa yang aku lihat? Sesungguhnya aku melihat tempat-tempat terjadinya fitnah di antara rumah-rumahmu bagaikan tempat turunnya air hujan." (H.R. Muslim)


GALERI

Foto Aktiviti Pusat Islam



KURSUS EKSEKUTIF IMAM DAN BILAL 11 JULAI 2012


Kursus Eksekutif Imam Dan Bilal ini telah diadakan pada 11 Julai 2012. Program ini bertujuan memberi kefahaman dan memantapkan ilmu kepada para staf dan pelajar berkaitan sifat solat Nabi yang sempurna. Program ini telah dihadiri 111 orang peserta yang terdiri daripada staf dan juga pelajar. Program ini telah dikendalikan oleh Ustaz Bahruddin bin Mohamad, seorang pendakwah bebas yang terkenal di negeri Melaka.



01

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH 13 SEPTEMBER 2012

Kursus pengurusan Jenazah telah diadakan pada 13 September 2012. Program ini telah memberi pendedahan khusus kepada staf dan pelajar UTeM tentang cara mengendalikan jenazah lelaki mahupun wanita. Peserta yang terlibat adalah seramai 100 orang, terdiri daripada 50 orang lelaki dan 50 orang wanita. Program ini dikendalikan oleh Ustaz Rosli bin Sairan dan Ustazah Rosnah bt Ahmad, dua orang yang amat berpengalaman dalam pengurusan jenazah di negeri Melaka.



02

TAZKIRAH MAGHRIB MINGGU HALUAN SISWA PELAJAR DIPLOMA 3 JUN 2012

Sempena dengan Minggu Haluan Siswa Pelajar Diploma, Ustaz Mohd Fauzee bin Mohamed telah dijemput bagi memberikan ceramah dan nasihat kepada para pelajar baru tersebut. Dianggarkan seramai 100 orang pelajar telah mengikuti kuliah Maghrib itu. Ustaz Mohd Fauzee telah menyampaikan ceramah yang bertajuk Kewajipan Seorang Muslim.



03

Pusat Islam,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka
No. Tel : 06-331 6304 / No. Faks : 06-331 6262
Emel : infopusatislam@utem.edu.my
www.utem.edu.my/pusatislam



جامعة ملایسيا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA